

**NOVEL SUNGAI MENGALIR LESU: SATU KAJIAN  
STRUKTURALISME GENETIK**

**NEESHANTI A/P RHAMAROO**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**NOVEL SUNGAI MENGALIR LESU: SATU KAJIAN  
STRUKTURALISME GENETIK**

**NEESHANTI A/P RHAMAROO**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Neeshanti A/P Rhamaroo

No. Matrik: JGA 130011

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): Tesis

Bidang Penyelidikan: Sastera

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain samaada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini memperlihatkan teori Strukturalisme Genetik yang telah diperkenalkan oleh Lucien Goldmann dalam novel A.Samad Said, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu*. Kajian ini membuktikan kepentingan unsur-unsur luaran sesebuah novel seperti latar belakang pengarang, pemikiran pengarang, iaitu pandangan dunia pengarang mengikut zaman dan pengalamannya bagi menghasilkan sebuah karya yang bermutu. Kajian ini membuktikan bahawa latar belakang A.Samad Said memainkan peranan penting dalam menghasilkan sebuah karya historis yang menggambarkan realiti kehidupan rakyat Singapura yang terseksa semasa pendudukan Jepun. Walau bagaimanapun, ia lebih berfokus kepada penduduk yang mendiami di sebuah kampung yang terletak di tepi sebatang sungai. Pengalaman-pengalaman yang pernah dilalui oleh pengarang telah dipindahkan dalam bentuk karya dan menjadikannya sebagai karya yang mengandungi cerita-cerita yang sebenar. Pemikiran dunia A.Samad Said turut dikaji bagi melihat pendapat dan pandangan beliau terhadap dunia sastera dan dunia realiti. Segala konflik yang berlaku dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* telah dikupas bagi memahami bagaimanakah pengarang melihat konflik yang berlaku dalam masyarakat dan mengaitkannya dalam jalan cerita karya yang dihasilkannya. Antara konflik yang telah diberi perhatian dalam novel kajian ialah konflik pertentangan golongan muda terhadap kuasa penjajah, konflik antara pihak penjajah dan konflik yang berlaku dalam kalangan penduduk setempat. Secara keseluruhannya, penerapan teori Strukturalisme Genetik membuktikan bahawa bukan hanya unsur-unsur dalaman sahaja penting bagi penghasilan sesebuah novel malah unsur-unsur luaran turut perlu diberi keutamaan.

## **SUNGAI MENGALIR LESU NOVEL: A RESEARCH ON GENETIC STRUCTURALISM THEORY**

### **ABSTRACT**

This research showed the Genetic Structuralism theory that has been introduced by Lucien Goldman in a novel by A. Samad Said; *Sungai Mengalir Lesu* Novel. This study has proven the importance of the outer elements of a novel such as the background of the author, the thinking of the author that is the author's world's view according to his era and experience in producing a good quality masterpiece. This masterpiece has proven that the background of A. Samad Said has played an important role in producing a historical masterpiece that portrays the reality of the Singaporean life that was tortured during the occupation of the Japanese. However it is more focused to the villagers that lived in a village by a river. All the experiences gone through by the author has been transferred in a form of a masterpiece of real life events. A. Samad Said's world's thinking was also studied to see his opinion and views towards the world of literature and the world of reality. All the conflicts happened in the *Sungai Mengalir Lesu* novel has been looked into in depth to understand how an author looked at a conflict happened in a society and relate it to a storyline of a masterpiece that he has written. Among the conflicts that were given most attention on are the opposing of the youth group towards the power of the colony, the conflict between the colony and the conflict among the locals. As a whole, the application of the Genetic Structuralism theory has proven that not only internal factors are important in producing a novel, but external factors should also be given priority too.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya kerana memberi peluang untuk menyiapkan kajian ini. Di sini, saya juga ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada penyelia saya, iaitu Prof. Madya. Dr. Hashim Ismail kerana beliau banyak membantu dan membimbing bagi menjayakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya, iaitu Encik. Rhamaroo dan Puan. Rajasvari yang sentiasa mendoakan bagi kejayaan saya.

Di samping itu, tidak lupa untuk berterima kasih dan tumpang gembira dengan suami tersayang Encik. Shurenthar yang sentiasa memberikan sokongan moral serta kata-kata semangat yang mendorong untuk menyempurnakan kajian ini. Tidak ketinggalan penghargaan buat rakan-rakan sekerja dan rakan-rakan universiti yang sentiasa memotivasi saya agar dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Seterusnya, sekalung terima kasih buat sahabat tercinta Puan. Sarojini yang sentiasa menyokong, sedia membantu dan banyak memberikan pendapat serta idea sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Saya juga bersyukur kepada Tuhan kerana memberikan kesihatan yang baik dan ketabahan yang tinggi sepanjang kajian ini disiapkan. Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian yang tidak ternilai ini.

## SENARAI KANDUNGAN

|  |     |
|--|-----|
| Perakuan Keaslian Penulisan.....                           | ii  |
| Abstrak .....  | iii |
| Abstract .....   | iv  |
| Penghargaan .....  | v   |
| Senarai Kandungan .....                                    | vi  |
| BAB 1 : PENDAHULUAN .....                                  | 1   |
| 1.1. Latar belakang Kajian .....                           | 1   |
| 1.2. Permasalahan Kajian.....                              | 3   |
| 1.3. Teori.....  | 4   |
| 1.4. Objektif Kajian .....                                 | 7   |
| 1.5. Kepentingan Kajian .....                              | 7   |
| 1.6. Bahan dan Batasan Kajian.....                         | 8   |
| 1.7. Metodologi Kajian .....                               | 9   |
| 1.8. Soroton Kajian Lepas.....                             | 9   |
| 1.9. Persembahan Bab.....                                  | 16  |
| BAB 2 : TEORI STRUKTURALISME GENETIK .....                 | 18  |
| 2.1 Pengenalan.....  | 18  |
| 2.2 Konsep Sosiologi.....                                  | 18  |
| 2.3 Pendekatan Sosiologi Sastera .....                     | 21  |
| 2.4 Teori Strukturalisme Genetik .....                     | 26  |
| 2.4.1 Fakta Kemanusiaan.....                               | 30  |
| 2.4.2 Subjek Kolektif.....                                 | 31  |
| 2.4.3 Pandangan Dunia .....                                | 33  |
| BAB 3 : LATAR BELAKANG A.SAMAD SAID DAN KEPENGARANGANNYA . | 38  |
| 3.1 Pengenalan.....  | 38  |
| 3.2 Latar Belakang A.Samad Said.....                       | 38  |
| 3.3 Pendidikan .....                                       | 39  |
| 3.4 Dunia Kepengarangan.....                               | 41  |
| 3.5 Dunia Kewartawanan .....                               | 45  |
| 3.6 Penjelajahan Hidup .....                               | 47  |
| 3.7 Pementasan Drama .....                                 | 50  |
| 3.8 Kesimpulan.....  | 52  |

|  |    |
|--|----|
| BAB 4 : KONFLIK-KONFLIK KELAS DALAM MASYARAKAT ..... | 55 |
| 4.1.    Pengenalan .....                             | 55 |
| 4.2.    Konsep Konflik Kelas .....                   | 55 |
| 4.3.    Konflik Golongan Muda dengan Penjajah .....  | 58 |
| 4.4.    Konflik antara Pihak Penjajah .....          | 70 |
| 4.5.    Konflik antara Penduduk Setempat .....       | 73 |
| BAB 5 : PANDANGAN DUNIA A.SAMAD SAID .....           | 80 |
| 5.2.    Pandangan dan Harapan.....                   | 81 |
| BAB 6 : PENUTUP .....                                | 86 |
| RUJUKAN .....  | 89 |

## BAB 1 : PENDAHULUAN

### 1.1. Latar belakang Kajian

Kajian ini lebih tertumpu kepada novel kedua sasterawan negara, iaitu A.Samad Said ataupun yang lebih dikenali sebagai Pak Samad. Novel yang dikaji ialah novel *Sungai Mengalir Lesu*, iaitu sebuah novel yang mengisahkan kehidupan satu fasa dekad terpenting dalam bangsa kita. Novel ini merakamkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sekumpulan manusia yang tinggal di kampung yang terletak di tepi sebatang sungai, Singapura. Ia turut menjadi lambang kesengsaraan umum rakyat Malaysia pada zaman Perang Dunia Kedua. Ceritanya penuh dengan penderitaan, kebuluran, kemelaratan dan maut. Di samping sebuah karya sastera, novel *Sungai Mengalir Lesu* ini juga menjadi suatu himpunan dokumentasi sejarah sosial yang tidak ternilai.

Kesusasteraan di Malaysia telah bermula dalam bentuk lisan, kemudiannya beralih kepada kesusasteraan bertulis sehingga ia muncul sebagai tradisi intelektual di istana (Jaminkhiri Chek Embi, 2002, p.1). Novel merupakan sebuah cerita prosa fiksi karya pengarang yang tercipta berdasarkan pandangan, tafsiran, dan penilaian tentang peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam imaginasinya dan hadir dalam bentuk sebuah cerita panjang mengenai kehidupan manusia. Dari segi etimologinya, istilah novel berasal dari bahasa Itali, iaitu *novella* yang membawa maksud “*barang baru yang kecil*” (Siti Hajariah Abd Razak, 2012, p.1). Novel juga boleh dianggap sebagai sebuah karya naratif yang mengandungi konflik-konflik dalam kehidupan manusia dan ianya digambarkan melalui watak-watak oleh si pengarang. Antara jenis novel yang mendapat perhatian pembaca ialah novel jenis hiburan, misteri, fiksi, historis dan sebagainya.

Apabila kita melihat proses kepenggarangan pada era penjajahan, didapati bahawa tidak ada novel yang diterbitkan semasa pendudukan Jepun. Selepas Perang Dunia Kedua, novel kelihatan muncul semula dengan pengarangnya seperti Ahmad

Lutfi, Hamzah dan Wijaya Mala. Selepas perang sehingga akhir tahun lima puluhan penulisan novel agak lesu. Selepas merdeka, iaitu pada tahun enam puluhan, novel kembali menemui zaman kegemilangannya (Jaminkhiri Chek Embi, 2002, p.3-4). Antara penulis yang sangat terkenal pada masa itu ialah A.Samad Said iaitu seorang penulis yang bijak menggambarkan kehidupan sosial masyarakat dengan gaya kepengarangannya.

Apabila bermulanya pertengahan dekad 70-an novel-novel ciptaan pengarang mula mengubah tema daripada bercorak *adventure* kepada tema-tema yang lain seperti mengisahkan kehidupan dalam keluarga, fiksyen sains, ketokohan seseorang pahlawan, kisah hidup zaman penjajahan Jepun atau peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa penjajahan Portugis di Melaka (Siti Hajariah Abd Razak, 2012, p.6). Walau bagaimanapun, novel-novel yang bertemakan kemerdekaan dan penjajahan tetap mendapat perhatian dalam khalayak pembaca. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih novel *Sungai Mengalir lesu* iaitu sebuah novel yang bersifat historis yang menggambarkan zaman pendudukan Jepun di Singapura.

Novel juga merupakan karya fiksi yang memaparkan idea, gagasan atau khayalan seseorang pengarang. Idea atau gagasan tersebut boleh dikatakan sebagai pengalaman pengarang ataupun imaginasi pengarang (Andi Dwi Handoko, 2010, p.25). Hal ini membuktikan bahawa peranan pengarang sangatlah penting dalam proses penghasilan sebuah karya kerana status sosial, latar belakang dan ideologi seseorang pengarang menjadi nadi utama dalam proses kepengarangan. Novel-novel yang dihasilkan berdasarkan pengalaman pengarangkan memberikan kesan yang efektif dalam kalangan pembaca.

## **1.2. Permasalahan Kajian**

Kajian ini melihat novel *Sungai Mengalir Lesu* dari segi bagaimanakah pengalaman dan latar belakang pengarangnya mempengaruhi karyanya serta mengkaji konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat miskin yang menetap di sebuah kampung berdekatan dengan sungai yang terletak di Singapura. Ceritanya berlaku semasa zaman kolonial, iaitu pada masa pendudukan Jepun sehingga kemasukan British kali kedua, iaitu pada tahun 1945. Oleh hal yang demikian pengkaji ingin melihat konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang menjadi mangsa sengsara di bawah kawalan Jepun dan juga bagaimanakah konflik dalam kalangan golongan pemerintah. Jadi, isu-isu tersebut akan dikaji berdasarkan teori strukturalisme genetik iaitu sebuah teori yang berada di bawah payung sosiologi sastera.

Genre-genre sastera yang dihasilkan oleh seseorang pengarang terutamanya novel adalah bertujuan untuk memperlihatkan hubungan antara watak dengan situasi yang digambarkan dalam sesuatu karya tersebut. Watak atau tokoh yang diketengahkan oleh pengarang biasanya mewakili idea dan gagasan pengarang yang mengangkat realiti di sekitarnya ke dalam satu ruang cerita yang menjadi imaginasinya (Azhar Hj. Wahid, 2009, p.12). Oleh hal yang demikian, setiap watak yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* dapat menggambarkan nilai-nilai kemanusiaan beserta konflik-konflik yang berlaku dalam kehidupan harian mereka. Keadaan ini membantu pembaca agar mudah memahami keadaan yang dialami dan dirasai oleh watak-watak tersebut sepanjang jalan ceritanya.

Di samping itu, kajian juga akan tertumpu kepada pandangan dunia pengarang karya yang dipilih. Pada umumnya, karya seseorang pengarang merupakan suara kepentingan sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini kerana, pengarang sebagai wakil serta anggota masyarakat menjadi saluran bagi sesebuah masyarakat tersebut untuk menyatakan kesedaran kolektif terhadap kelompok lain yang berkuasa. Sehubungan

dengan itu, pelopor teori Strukturalisme Genetik iaitu Lucien Goldmann berpendapat bahawa karya sastera terhasil daripada pemikiran menyeluruh pengarang iaitu hasil daripada kombinasi yang membentuk dunia kepengarangannya dengan realiti masyarakat. Setiap gambaran atau situasi yang dikemukakan pengarang dalam karyanya merupakan interpretasi dan manifestasi terhadap persoalan-persoalan masyarakat yang diperoleh sebagai saksi sesuatu zaman atau kajian yang dilakukan terhadap fakta-fakta sejarah (Faruk HT,1994, p.72).

Oleh hal yang demikian, pengkaji percaya bahawa novel yang dipilih merupakan karya yang menjadi saluran bagi pengarangnya untuk memperlihatkan segala persoalan masyarakat yang diperolehinya dalam realiti ataupun berdasarkan pengalamannya. Justeru, kajian akan dilakukan ke atas aspek pandangan dunia A.Samad Said yang tersirat dalam karyanya berjudul *Sungai Mengalir Lesu*. Pandangan dunianya yang membicarakan pandangan dunia kemerdekaan mampu memberikan iktibar kepada para pembaca dan yakni membantu untuk mengenali zaman jajahan sebelum merdeka.

### **1.3. Teori**

Teori sosiologi merupakan teori yang mengkaji kemampuan seseorang untuk menyesuaikan diri atau beradaptasi dengan lingkungan sosialnya. Perkataan “*Sosio*” berasal dari bahasa Latin iaitu kawan dan berteman. Sosiologi secara terminologi ialah ilmu yang mempelajari hidup bersama dalam masyarakat. Menurut Emile Durkheim, teori Sosiologi ialah ilmu yang mempelajari fakta sosial. Fakta sosial adalah sesuatu yang berada di luar individu. Contoh-contoh dari fakta sosial adalah kebiasaan-kebiasaan, peraturan-peraturan, norma-norma, hukum-hukum dan adat istiadat. Fakta sosial yang paling besar ialah masyarakat menurut Durkheim. Fakta sosial ini bersifat eksternal, objektif dan berada di luar individu.


Sosiologi juga mengemukakan gambaran-gambaran besar yang menarik mengenai kejadian atau peristiwa-peristiwa yang dihadapi oleh manusia. Di samping itu, sosiologi juga memberikan sumbangan yang penting dalam menghubungkan hal-hal lainnya dengan garis besar tersebut. Terdapat hubungan sosial dengan aspek-aspek yang lain seperti masyarakat, golongan atau kelompok manusia sebagai makhluk sosial serta perbuatan yang tersamar dari keturunan, maturasi dan kehidupan bermasyarakat dari individu (G.Katasapoetra&L.J.B.Kreimers, 1987, p.11). Bagaimanakah pula ahli-ahli sosiologi mendefinisikan dan memahami masyarakat?

*'A society is a relatively independent, self-prepetuating human group which occupies a territory, shares a culture, and has most of its associations within this group. A society is an organization of people whose associations are with one another'.*

(Horton & Hunt, 1988, P.52)

Berdasarkan petikan di atas dapatlah dikatakan masyarakat itu merangkumi di dalamnya individu atau kelompok manusia yang berinteraksi antara satu sama lain, berkongsi satu kebudayaan yang sama di dalam satu kawasan yang tertentu dan mereka berasa bersatu di dalam kumpulan dan melihat diri mereka berlainan daripada orang atau kumpulan manusia yang lain (Rohana Yusof, 2010, p.62).

Karya sastera sering dihubungkan dengan ‘ilham’ yang didatangkan kepada seseorang pengarang atau penyair (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995, p.1). Teori sosiologi sastera wujudnya dalam dunia kesusasteraan sejak zaman klasik lagi. Menurut Alan Swingewood (1972), terdapat empat pembahagian dalam teori sosiologi sastera iaitu :



Dalam sosiologi sastera terdapat tiga pendekatan, iaitu pertama ialah melihat karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya, yang mencerminkan satu zaman. Kedua, pendekatan dari R. Escarpit (1967) yang melihat segi penghasilan karya sastera terutamanya kedudukan sosial seorang penulis. Ketiga, pendekatan yang dihubungkan dengan Leo Lowenthal (1984) yang melihat penerimaan suatu masyarakat terhadap suatu karya atau karya dari seseorang penulis tertentu (Umar Junus, 1986, p.1).

Dalam penciptaan karya sastera, campur tangan penulis sangat diperlukan. Realitinya ditentukan oleh fikiran penulisnya. Seorang penulis penuh dengan idealisme cenderung untuk mempertentangkan dua dunia secara ekstrem. Dunia yang diciptakannya dan dunia yang dianggapnya buruk. (Umar junus, 1986, p.8). Dalam dunia kesusasteraan Melayu Moden tulisan “sosiologi sastera” sering dikenali dengan pelbagai nama seperti pendekatan sosiologi, interpretasi sosiologi, gambaran masyarakat dan sebagainya (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2006, p.5). Walau bagaimanapun, terdapat ikatan yang erat antara karya sastera dan penulisnya. Jadi bolehlah disimpulkan bahawa sosiologi sastera yang mempunyai hubungan dengan penulis dapat juga diertikan sebagai pendekatan yang ekspresif.

Walau bagaimanapun bagi melengkapkan kajian yang akan dilakukan, pengkaji berfokus kepada teori Strukturalisme Genetik, iaitu sebuah teori yang berada di bawah

payung pendekatan sosiologi sastera. Ia merupakan sebuah teori yang diperkenalkan oleh seorang ahli sosiologi dari Perancis, iaitu Lucien Goldmann. Beliau percaya bahawa, karya sastera merupakan sebuah struktur dan beliau tertarik kepada struktur sesebuah karya dan bukannya kepada isi. Beliau juga telah memperkenalkan beberapa kategori dalam teori tersebut seperti fakta kemanusiaan, strukturasi, pandangan dunia, pemahaman dan penjelasan (Faruk, 1999, p.12).

Teori Strukturalisme Genetik yang diperkenalkan oleh Goldmann mengukuhkan bahawa adanya hubungan antara sastera dengan masyarakat melalui pandangan dunia atau ideologi yang dimiliki oleh seseorang pengarang. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melakukan kajian berdasarkan kepada teori Strukturalisme Genetik yang diperkenalkan oleh Lucien Goldmann dengan berpaksikan kepada aspek-aspek yang tertentu.

#### **1.4. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan bagi mencapai tiga objektif, iaitu:

- Pertama ialah mengenal pasti latar belakang pengarang, A.Samad Said.
- Kedua ialah menganalisis konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang menjajah dan dijajah dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*.
- Ketiga pulamenilai pandangan dunia pengarang, iaitu pemikiran sosial A.Samad Said.

#### **1.5. Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi mendedahkan novel hasil tulisan A.Samad Said, iaitu *Sungai Mengalir Lesu* dari segi pendekatan sosiologi sastera yang berhubungkait dengan penggunaan teori Strukturalisme Genetik. Kepentingannya adalah bagi melihat segala konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang berada di bawah jajahan Jepun,

konflik dalam kalangan penjajah yang merebut tanah jajahan dan pandangan dunia (*World View*) pengarang terhadap masyarakat mengikut zaman.

Keadaan ini mampu memberikan kesedaran dalam kalangan masyarakat bagi mengetahui penderitaan yang dialami oleh masyarakat majmuk, iaitu Melayu, Cina, India, Sikh dan lain-lain lagi bagi melepaskan diri daripada cengkaman penjajah yang cukup menakutkan dan mengerikan. Konflik-konflik yang berlaku semasa zaman penjajahan tersebut digambarkan oleh si pengarang dengan penuh realistik dan keadaan ini sudah tentu menyemai semangat patriotik dan semangat cinta akan negara yang tinggi dalam khalayak pembaca.

Di samping itu, pandangan dunia yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam novel yang dikajiakan membantu untuk melihat serta mengetahui pendapat, prinsip-prinsip dan impian A.Samad Said dalam kelompok masyarakat yang berbagai dan dalam dunia kemerdekaan. Hal ini demikian kerana, menurut Goldmann (1980, p.112) seseorang pengarang secara langsung bertanggungjawab untuk mencipta sesebuah karya yang mengemukakan pelbagai pemikiran dan kesedaran iaitu kesedaran sosial. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap kajian ini mampu mengupas dan menyuluh segala pandangan dunia yang dikemukakan oleh pengarang melalui kata-katanya.

### **1.6. Bahan dan Batasan Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada sebuah novel karya A.Samad Said yang bersifat historis iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu*. Beliau merupakan seorang sasterawan negara yang menghasilkan novel yang berbagai jenis seperti novel remaja, dewasa dan sebagainya. Walau bagaimanapun, novelnya yang bersifat historis serta bertemakan perjuangan telah dipilih sebagai bahan kajian. Apabila melihat teori pula, pendekatan sosiologi sastera telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Pendekatan sosiologi sastera

ialah sebuah pendekatan yang merangkumi pelbagai teori yang berkaitan di bawahnya seperti teori Marxisme, teori Strukturalisme Genetik, teori Fungsionalis, teori Hegemoni dan sebagainya. Bagi proses menganalisis, pengkaji hanya tertumpu kepada satu teori, iaitu teori yang dikenali sebagai teori Strukturalisme Genetik.

### **1.7. Metodologi Kajian**

Bagi menyiapkan kajian ini, pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan sumber primer dan sekunder. Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah pengumpulan data secara elektronik. Kaedah kepustakaan ini digunakan untuk mengumpul segala maklumat yang berhubung dengan bidang kajian ini secara umum. Rujukan yang meluas diperlukan untuk mengumpul maklumat serta mereka bentuk kajian ini.

Beberapa perpustakaan telah digunakan sebagai tempat pengumpulan data seperti Perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba di Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bahan-bahan yang dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji ialah seperti buku, tesis, jurnal, dan kertas seminar. Selain daripada itu, sumber internet seperti laman sesawang yang berkaitan juga digunakan untuk melengkapkan kajian.

### **1.8. Soroton Kajian Lepas**

Antara kajian lalu yang telah menjadi panduan kepada pengkaji ialah tesis peringkat sarjana yang dihasilkan oleh Azman Ismail di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tesisnya bertajuk *Teori Strukturalisme: Penerapan terhadap novel-novel Pramoedya Ananta Teor*. Kajian ini berfokus kepada perubahan-perubahan yang berlaku terhadap nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat yang tinggal di

Blora, Indonesia. Selain itu, beliau juga menganalisis persoalan tentang kelompok, pandangan dunia (*World view*) dan pertentangan kelas menurut pandangan pengarangnya, iaitu Pramoedya Ananta Teor.

Apabila melihat jenis-jenis novel yang dipilih, beliau memilih novel-novel yang bertemakan perjuangan dan novel-novel yang mengisahkan zaman penjajahan di Indonesia. Antara novel yang dijadikan sebagai bahan kajiannya ialah *Bumi Manusia* (1980), *Keluarga Gerilya* (1988), *Bukan Pasar Malam Perburuan* (1951), *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* (2009) dan *Korupsi* (1954). Beliau melakukan kajian ke atas novel-novel tersebut berdasarkan teori Strukturalisme Genetik yang berada di bawah payung Sosiologi Sastera. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji agak berlainan jika dibandingkan dengan kajian yang telah pun dilakukan oleh Azman Ismail. Hal ini kerana, pengkaji akan gunakan novel karya A.Samad Said yang mengisahkan zaman pendudukan Jepun di Singapura dan kesengsaraan yang telah dialami oleh rakyat Singapura dan Malaysia. Manakala, Azman Ismail pula memilih karya-karya hasil Pramoedya Ananta Teor yang memperihalkan zaman penajajahan yang dilalui oleh rakyat Indonesia.

Seterusnya, tesis Azhar bin Haji Wahid yang bertajuk *Novel-novel A.Samad Ismail: Satu Analisis Teori Strukturalisme Genetik-Hegemoni*. Tesis ini merupakan tesis peringkat PhD beliau di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Azhar bin Haji Wahid menggunakan novel-novel terpilih hasil karya A.Samad Ismail sebagai bahan kajian dan kajiannya telah dilakukan berdasarkan dua buah teori yang berada di bawah pendekatan Sosiologi Sastera, iaitu teori Strukturalisme Genetik dan teori Hegemoni. Beliau memilih sebanyak 11 buah novel A.Samad Ismail yang menghuraikan konflik kelas, pandangan dunia dan penguasaan intelektualisme masyarakat Melayu secara implisit mahupun eksplisit kepengarangan A.Samad Ismail. Beliau juga melakukan kajiannya ke atas pandangan dunia A.Samad Ismail dalam dunia kemerdekaan, etika

kewartawan, pandangan dunia kepentingan bahasa Melayu dan perubahan nilai budaya masyarakat Melayu.

Apabila kita melihat novel-novel yang dipilih oleh Azhar bin Haji Wahid, ianya bersifat historis dan lebih kepada cerita yang mengisahkan perjuangan demi negara. A.Samad Ismail merupakan seorang sasterawan dan pejuang bahasa Melayu. Beliau juga aktif dalam bidang politik dan pernah menjadi tahanan oleh British pada tahun 1960-an. Pendek kata, beliau boleh dianggap sebagai tokoh yang bersemangat tinggi dalam bidang politik mahupun bidang penulisan. Kajian yang akan dilakukan pula berbeza dari segi pemilihan pengarang atau tokoh yang berlainan di mana pengkaji memilih A.Samad Said dan novelnya *Sungai Mengalir Lesu* sebagai bahan kajian. A.Samad Said pula merupakan sasterawan terulung negara dan tokoh yang aktif dalam perjuangan politik atau ideologi yang menentang penjajah. Walaupun kedua-dua tokoh ini mempunyai prinsip dan impian yang sama tetapi mereka tetap berbeza dari segi latar belakang dan pengalaman.

Seterusnya, tesis peringkat sarjana yang dihasilkan oleh Andi Dwi Handoko yang bertajuk *Novel Orang-orang Proyek dan Kaitannya dengan Trilogi Novel Ronggeng Dukuh Paruk Karya Ahmad Tohari: Analisis Strukturalisme Genetik*. Beliau menghasilkan tesis ini di Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universiti Sebelas Maret di Indonesia. Dalam kajiannya, beliau tertumpu kepada keterjalinan unsur intrinsik dalam novel *Orang-orang Proyek* dan Trilogi novel *Ronggeng Dukuh Paruk*, pandangan dunia pengarang yang tercermin dalam novel *Orang-orang Proyek* dan Trilogi novel *Ronggeng Dukuh Paruk* dan struktur sosial novel *Orang-orang Proyek* dan Trilogi novel *Ronggeng Dukuh Paruk*. Kajian beliau ialah berbentuk deskriptif kualitatif dengan menggunakan teori Strukturalisme Genetik.

Kajian beliau membantu pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut tentang penggunaan teori Strukturalisme Genetik dari segi isu-isu yang berkaitan dengan unsur-

unsur intrinsik sesebuah novel, iaitu unsur-unsur yang berada dalam sesebuah karya sastera seperti tema, latar (*setting*), plot, penokohan dan sebagainya yang terlepas daripada unsur-unsur yang berada di luar sesebuah karya. Beliau turut memerihalkan pandangan dunia seseorang pengarang khususnya pengarang yang dipilihnya, iaitu Ahmad Tohari. Hal ini kerana, pandangan dunia seseorang pengarang mampu memberikan pemahaman yang berbeza tentang kelas-kelas sosial yang terdapat dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Kajian Andi Dwi Handoko telah dijadikan sebagai panduan bagi melengkapkan kajian pengkaji yang menggunakan teori Strukturalisme Genetik dalam novel A.Samad Said yang bertajuk *Sungai Mengalir Lesu*. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak berfokus kepada aspek unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel sepertimana yang dilakukan oleh Andi Dwi Handoko malah pengkaji hanya berfokus kepada unsur-unsur ekstrinsik, iaitu konflik-konflik sosial yang berlaku dalam novel, pandangan dunia pengarang dan latar belakang pengarang yang membantu melahirkan novel yang mengisahkan kedudukan sosial masyarakat tertentu yang terdapat dalam novelnya.

Dian Annisa Nur Ridha dari Universiti Gadjah Mada, Indonesia pula menghasilkan sebuah kajian peringkat sarjana yang bertajuk *Pandangan Dunia dalam Novel Noruwei No Mori Karya Murakami Haruki: Analisis Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann*. Beliau telah membuat satu analisis ke atas novel *Noruwei No Mori*, iaitu sebuah novel Jepun yang dihasilkan oleh Murakami Haruki, iaitu seorang sasterawan Jepun yang agak terkenal di negaranya. Novel *Noruwei No Mori* merupakan sebuah novel yang mengisahkan kehidupan seharian seorang remaja yang digelar sebagai mahasiswa di dunia nyata. Dalam kajiannya, Dian Annisa telah pun menganalisis bagaimanakah struktur novel yang dipilihnya menghasilkan novel yang baik dan beliau turut membicarakan pandangan dunia kelas sosial yang terdapat dalam

novel tersebut. Antara kelas sosial yang menjadi topik kajian beliau ialah kelas pekerja dan kaum urban di Jepun.

Selain itu, beliau juga membuat penelitian terhadap aspek koheren yang terdapat dalam karya-karya Murakami Haruki terutamanya dalam novel *Noruwei No Mori*. Dari segi pendekatan kajian, beliau telah memilih teori Strukturalisme Genetik bagi menganalisis permasalahan-permasalahan kajian yang terdapat dalam tesisnya. Walaupun kajian beliau berfokus kepada karya dan pengarang Jepun, kajiannya telah memberikan idea dan informasi yang mencukupi bagi pengkaji untuk membuat kajian dalam novel yang dipilih berdasarkan teori Strukturalisme Genetik.

Tesis peringkat sarjana milik Khusnaini Prihananto dari Universiti Sebelas Maret pula bertajuk *Analisis Strukturalisme Genetik Novel Supernova Episode Ksatria, Puteri dan Bintang Jatuh Karya Dewi Lestari*. Tujuan kajian beliau adalah untuk melihat kaitan unsur-unsur intrinsik dalam novel *Supernova* karya Dewi Lestari dan membincangkan pandangan dunia pengarang serta nilai-nilai yang terkandung dalam novel *Supernova* karya Dewi Lestari. Kajian ini telah dilakukan berdasarkan teori Strukturalisme Genetik yang menekankan metode dialektik. Walau bagaimanapun, Khusnaini membataskan kajiannya kepada tiga edisi novel *Supernova*, iaitu edisi *Ksatria, Puteri dan Bintang Jatuh*.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, beliau telah mengkaji keterjalinan yang wujud antara unsur intrinsik dalam novel *Supernova*, iaitu dalam tiga edisi pilihannya. Beliau turut mengkaji pandangan dunia pengarang, iaitu pandangan dunia Dewi Lestari dari segi pandangan dunia moral, cinta kasih, sosial budaya dan pandangan sains. Manakala, nilai-nilai yang terkandung dalam novel *Supernova* yang menjadi aspek kajian beliau ialah nilai moral, nilai cinta kasih, nilai sains, nilai sosial budaya, nilai politik dan nilai psikologi. Pendek kata, kajian beliau membantu pengkaji untuk membuat analisis menggunakan teori Strukturalisme Genetik khususnya dari perspektif

pandangan dunia pengarang dalam novel yang dikaji dan latar belakang sosiobudaya sesebuah novel.

*Strukturalisme Genetik dalam Novel Bandjire Bengawan Sala Karya Widi Widajat* merupakan sebuah kajian peringkat sarjana yang dihasilkan oleh Yunita Ernawati dari Universiti Yogyakarta. Seperti kajian lain, beliau telah membuat penelitian bagi menjelaskan kaitan antara fakta cerita dan temanya dengan teori Strukturalisme Genetik dalam novel yang dikajinya, iaitu *Bandjire Bengawan Sala*. Selain itu, beliau juga membincangkan pandangan dunia pengarang dengan novel yang dikajinya serta melihat hubungan fakta cerita dengan pandangan dunia si pengarang dalam novel karya Widi Widajat.

Kajiannya merangkumi analisis dari segi kaitan antara novel yang dipilih dengan struktur-struktur intrinsik yang terdapat dalam karya tersebut seperti tokoh, latar, tema dan sebagainya. Beliau juga berfokus kepada status sosial masyarakat yang terdapat dalam bahan kajiannya serta membincangkan latar belakang kehidupan pengarang yang mempengaruhi penciptaan novel *Bandjire Bengawan Sala*. Kajian beliau boleh dikatakan agak sama dengan kajian yang dilakukan oleh Khusnaini Prihananto iaitu *Analisis Strukturalisme Genetik Novel Supernova Episode Ksatria, Puteri dan Bintang Jatuh Karya Dewi Lestari*, iaitu sebuah kajian yang membincangkan unsur-usur intrinsik yang terdapat dalam sesebuah novel berdasarkan teori Strukturalisme Genetik. Walau bagaimanapun, pengkaji menjadikan kajian ini sebagai rujukan bagi melakukan kajian dalam tajuk yang dipilih dari segi konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat, latar belakang pengarang yang mempengaruhi penciptaan karya dan pandangan dunia pengarang dalam aspek soisobudaya masyarakat yang terdapat dalam novel yang dikaji, iaitu *Sungai Mengalir Lesu*.

Apabila melihat latihan ilmiah yang bertajuk *Megat Terawis: Dilihat dari Pendekatan Strukturalisme Genetik* yang dihasilkan oleh Shandhi a/p Velusamy dari

Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Beliau membuat kajiannya dalam drama Seni Persembahan Bangsawan khususnya drama *Megat Terawis*. Drama ini telah dihasilkan oleh Prof Rahmah Hj Bujang, iaitu seorang tokoh yang bergiat aktif dalam bidang seni teater. Dalam kajiannya, Shandhi telah membuat analisis terhadap pendekatan Strukturalisme Genetik secara komprehensif.

Kajian yang dibuat oleh beliau juga merangkumi huraihan tentang asal-usul drama Bangsawan, pendapat sarjana-sarjana tentang drama Bangsawan dan teori Strukturalisme Genetik yang diasaskan oleh Lucien Goldmann. Beliau juga turut membincangkan kepentingan latar belakang seseorang pengarang untuk menghasilkan sesebuah karya yang berkesan seperti cerpen, novel maupun drama. Hal ini kerana, beliau beranggapan bahawa latar belakang pengarang amat penting kerana ia dapat menjelaskan bagaimana jiwa pengarang dihubungkan dengan jiwa seni. Seterusnya, kajian beliau juga berfokus kepada teori Lucien Goldmann yang membincangkan aspek watak, bahasa, plot dan keseluruhan cerita.

Oleh hal yang demikian, pengkaji menggunakan latihan ilmiah tersebut sebagai panduan dalam proses penganalisisan dari segi hubungan karya dengan latar belakang pengarang, pandangan dunia seseorang pengarang bagi menghasilkan karya yang mengisahkan kehidupan sosial masyarakat tertentu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian beliau agak berbeza jika dibandingkan dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kerana fokus kajian beliau ialah seni persembahan yang terdapat dalam drama yang bertajuk *Megat Terawis* dari segi teori Strukturalisme Genetik manakala pengkaji pula berfokus kepada genre novel yang bertajuk *Sungai Mengalir Lesu*. Walaupun terdapat persamaan dengan penggunaan teori tetapi adanya kelainan dari segi genre sastera yang dipilih dan aspek yang dikaji.

## **1.9. Persembahan Bab**

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, batasan kajian dan kajian lalu. Bahagian ini akan menjadi landasan bagi menyiapkan bab-bab yang seterusnya.

Bab kedua pula membincangkan tentang teori Strukturalisme Genetik yang berada di bawah pendekatan Sosiologi Sastera. Dalam bab ini, penjelasan teori akan diberikan supaya pembaca dapat mengetahui tentang teori tersebut dan bagaimanakah teori ini telah digunakan oleh pengkaji untuk membincangkan tajuk kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mengemukakan definisi teori serta ciri-cirinya.

Bab ketiga ialah bab yang mengenal pastilatar belakang pengarang, iaitu A.Samad Said yang menjadi asas kepada penulisan novel yang dikaji iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu*. Bab ini akan membincangkan bagaimana latar belakang dan pengalaman-pengalaman beliau mempengaruhi untuk menghasilkan sebuah novel yang penuh dengan kesengsaraan dan penderitaan semasa berlangsungnya era penjajahan.

Bab seterusnya, iaitu bab keempat akan menganalisis konflik-konflik yang dikenalpasti dalam novel yang dikaji seperti konflik kelas terutamanya konflik antara masyarakat yang kaya dengan miskin, konflik kuasa penjajahan dan konflik pertentangan golongan muda. Bab ini akan memberikan suatu gambaran yang jelas tentang segala konflik yang berlaku dalam kalangan golongan yang dijajah dan menjajah.

Bab kelima pula akan menilai pandangan dunia A.Samad Said, iaitu pemikiran sosial yang ingin disampaikan oleh beliau melalui novel keduanya. Selain itu pengkaji juga akanmenganalisis persoalan-persoalan yang diketengahkan oleh pengarang yang kebanyakannya bersumberkan kepada pandangan dunia dalam kelompok masyarakat yang diwakilinya.

Bab terakhir, iaitu bab keenam merupakan kesimpulan bagi kajian yang dilakukan. Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan skop kajian dengan menggunakan teori Lucien Goldmann, iaitu teori Strukturalisme Genetik. Rumusan akan dilakukan berdasarkan penemuan-penemuan yang telah dihasilkan berdasarkan kajian daripada bab-bab yang terdahulu.

## BAB 2 : TEORI STRUKTURALISME GENETIK

### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan pendekatan Sosiologi Sastera dan teori yang berada di bawahnya, iaitu teori Strukturalisme Genetik yang diperkenalkan oleh Lucien Goldmann. Dalam bab ini juga pengkaji akan menjelaskan secara terperinci mengenai konsep, definisi dan ciri-ciri pendekatan sosiologi sastera dan teori Strukturalisme Genetik. Pengkaji juga akan membincangkan bagaimanakah teori ini digunakan dalam karya-karya sastera oleh pengarang. Perbincangan ini memberikan gambaran yang jelas untuk mengetahui hubungan antara karya sastera dengan masyarakat.

### 2.2 Konsep Sosiologi

Perkataan sosiologi mula digunakan oleh ahli sains sosial Perancis, iaitu Auguste Comte (1798-1857). Ia berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud *berkongsi*. Beberapa takrifan telah diberikan oleh ahli-ahli sosiologi tentang bidang dan disiplin yang baru ini. Neil J. Smelser mentakrifkan sosiologi sebagai satu kajian saintifik tentang masyarakat dan hubungan sosialnya. Sosiologi ialah ilmu pengetahuan yang mempelajari gejala-gejala dalam pergaulan hidup manusia. Sosiologi ialah satu bidang baru, jika dibandingkan dengan bidang-bidang sains sosial yang lain. Sosiologi juga bukan bidang sains fizikal atau sebahagian daripada bidang kemanusiaan malah ia terletak di tengah-tengah, iaitu antara sains fizikal dan kemanusiaan (Rohana Yusof, 2010, p. 8). Konsep ini dapat digambarkan seperti berikut:



Menurut Swinghood (1972, p.32) dalam bukunya yang berjudul *The Sociology of Literature*, sosiologi ialah bidang ilmu mengenai manusia dalam masyarakat,

lembaga-lembaga dan proses-proses sosial. Bidang sosiologi juga merupakan suatu bidang yang membuat penelitian dalam aspek sosial, agama, ekonomi, politik, keluarga dan sebagainya. Ritzer (1975, p.13) pula menemukan tiga paradigma yang menjadi dasar kepada bidang sosiologi iaitu paradigma mengenai fakta-fakta sosial, definisi sosial dan perilaku sosial (Faruk, 1999, p.1-2). Walau bagaimanapun, bidang sosiologi merupakan suatu bidang yang agak luas kandungannya bagi menganalisis institusi masyarakat dari segi aspek yang pelbagai.

Penekanan dan tumpuan sosiologi adalah terhadap perhubungan manusia antara kelompok dan juga dalam kalangan institusi masyarakat. Bahan kajian utama dalam bidang ini ialah masyarakat, iaitu mengkaji pola dan susunan masyarakat, proses bagaimana masyarakat berkembang dan berubah, serta bagaimana pola dan proses tersebut memberi kesan kepada tingkah laku individu dan kelompok (Rohana Yusof, 2010, p.7).

Biasanya teori-teori yang berkaitan dengan budaya atau sosiologi boleh dikatakan sebagai usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan sistem politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap sesebuah karya sastera. Dalam konteks yang sama, ia juga membantu untuk melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pembentukan individu dan peranannya dalam pembentukan masyarakat (Womack & Kenneth, 1999, p.593). Oleh hal yang demikian, kajian-kajian telah dilakukan oleh ahli-ahli sosiologi untuk mengkaji kehadiran manusia dalam persekitarannya, iaitu melihat dari segi '*human in environment*'. Setiap persoalan yang berkaitan dengan seseorang individu ataupun masyarakat hanya dikenal pasti jawapannya jika kajian yang bernalas dan sesuai dilakukan ke atas mereka.

Berikut merupakan kata-kata pendahuluan Karl Marx dalam bukunya yang berjudul *A Contribution to the Critique of Political Economy* yang menjelaskan hubungan manusia dengan aspek sosial, ekonomi dan politik.

Dalam penghasilan kehidupan sosial, manusia mempunyai hubungan tertentu sama ada mereka mahu atau tidak. Hubungan-hubungan ini terhasil daripada struktur ekonomi masyarakat. Struktur ini juga merangkumi aspek politik serta undang-undang dan sejajar dengan struktur ini terdapat bentuk-bentuk kebendaan sosial yang tertentu. Bentuk kebendaan ini membentuk proses kehidupan sosial, politik dan intelek pada umumnya.

(Karl Marx, 1859, p.28)

Apabila melihat pendapat Karl Marx seperti mana yang ditunjukkan di atas, beliau percaya bahawa adanya hubungan antara manusia dengan aspek-aspek lain seperti aspek ekonomi, sosial dan politik. Bagi menghasilkan sebuah kehidupan sosial yang berjaya dari segi kebendaan, manusia memerlukan aspek politik serta undang-undang. Bukan sahaja aspek politik malah kehidupan masyarakat terhasil dengan adanya struktur ekonomi yang stabil. Oleh hal yang demikian, setiap manusia haruslah berusaha untuk mencapai kestabilan dari segi segala aspek bagi menjamin kehidupan yang bahagia.

Kelompok masyarakat menjadi bahan kajian yang utama dalam bidang sosiologi. Menurut Selo Soemardjan dan Soelaeman Soemardi (1974) dalam bukunya *Setangkai Bunga Sosiologi*, kemajuan sesebuah kelompok masyarakat boleh diukur berdasarkan kepada empat kriteria, iaitu kekayaan yang dimiliki oleh kelompok masyarakat tertentu, kekuasaan, kehormatan dan ilmu pengetahuan yang terdapat pada mereka (Bondet Wranatnala, 2009, p. 19). Walau bagaimanapun, bidang sosiologi ini menjadi asas kepada pembentukan pelbagai teori sosiologi yang mengkaji masyarakat dari segi aspek yang berlainan.

### **2.3 Pendekatan Sosiologi Sastera**

Sastera merupakan sesuatu yang mencerminkan kehidupan masyarakat. Seseorang pengarang mengungkapkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya atau peristiwa-peristiwa yang melihatnya dalam bentuk karya.

*Literature is a social institution, using as its medium language, a social creation. They are conventions and norm which could have arisen only in society. But, furthermore literature ‘represent life’ and ‘life’ is, in large measure, a society reality, even though the natural world and the inner or subjective word of the individual have also been objects of literary ‘imitation’. The poet himself is a member of society, possessed of a specific social status, he receives some degree of social recognition and reward, he addresses and audience, however hypothetical.*

(Wellek & Warren, 1956, p. 94)

Wellek dan Warren, 1956 berpendapat bahawa sastera merupakan sebuah medium yang mengisahkan segala peristiwa dan norma masyarakat dalam bentuk bahasa. Ia mencerminkan realiti kehidupan dan sikap individu yang membentuk masyarakat. Berdasarkan pendapat mereka, karyawan merupakan seseorang yang menjadi ahli dalam masyarakat itu sendiri di mana dapat memberikan gambaran tentang masyarakat tersebut. Oleh hal yang demikian, seseorang karyawan itu merupakan seseorang yang mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat.

Perkataan ‘Sastera’ berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu ‘*Castra*’ yang membawa maksud kitab suci. Kesusasteraan pula membawa pengertian sebagai segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan sama ada dalam bentuk tulisan dan pembacaan mahupun melalui lisan dan pendengaran (Harun Mat Piah, 2006, p.6). Selain itu, sastera juga bukan sahaja satu bentuk ilmu yang berseni tetapi ianya merangkumi segala aktiviti manusia secara kreatif. Oleh hal yang demikian, sastera bolehlah dikatakan sebagai ciptaan seni yang semakin berkembang mengikut peredaran zaman (Syed Ali Ashraf, 1989, p.36).

Dalam penulisan ilmiah, landasan teori ialah hal yang sangat penting dan tidak dapat ditinggalkan kerana teori yang digunakan dalam sesebuah penulisan merupakan

langkah yang ditempuh atau cara yang digunakan dalam mengembangkan penelitian dan kajian. Di samping itu, landasan teori juga berfungsi untuk menyusun kerangka teoritis dan kerangka kerja konseptual dalam bentuk yang paling awal agar kajiannya tidak menyimpang jauh dari tujuan yang ditentukan. Jadi, sesebuah karya sastera memerlukan sesuatu pendekatan, teori atau metode tertentu bagi meneruskan kajian untuk mendapatkan hasil yang diinginkan (Eny Moersito, 2008, p.8).

Konsep ‘teori’ boleh dikatakan sebagai satu sistem ilmiah atau pengetahuan sistematik yang menetapkan pola susunan antara teks yang dipilih dan isu-isu yang akan dikaji dalam teks tersebut. Biasanya, sesuatu teori akan dipilih secara logik dan dipilih berdasarkan kepada kebenarannya serta kesahihannya yang selaras dengan bahan kajian. Menurut Wellek & Warren, tugas teori terutamanya teori sastera ialah menetapkan segala kriteria, kategori dan prinsip tentang sesebuah karya sastera bagi mengenalpasti sejarah sastera dan kritik sastera (RS. Yoseph Yapi Taum & M. Hum, 1997, p.13-14).

Pendekatan terhadap sastera yang mempertimbangkan isu-isu kemasyarakatan disebut sebagai sosiologi sastera, iaitu sebuah pendekatan yang menggunakan analisis teks untuk mengetahui strukturya dan untuk digunakan bagi memahami lebih dalam tentang gejala sosial yang berada di luar sastera (Damono, 2003, p.3). Oleh hal yang demikian, pendekatan sosiologi sastera boleh dikatakan sebagai pendekatan yang digunakan oleh pengarang bagi menghasilkan sebuah karya yang mampu menghubungkaitkan sastera dengan sosiologi dalam kalangan masyarakat tertentu.

Satu jalur pemahaman ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden dapat dilihat pada tulisan yang mengandaikan ‘sosiologi sastera’ sebagai gambaran masyarakat seperti yang diserlahkan oleh teks sastera. Penekanan bahawa sastera adalah gambaran masyarakat memang sering didengar. Sehubungan dengan ini, selain daripada pernyataan umum seperti ‘sastera adalah cerminan masyarakat’ sastera juga dikenali sebagai ‘sastera adalah terjemahan realiti masyarakat’. Oleh hal yang demikian,

bolehlah dikatakan bahawa karya sastera mampu memberikan suatu gambaran yang jelas tentang sesebuah masyarakat atau etnik di depan mata pembaca walaupun pembaca tidak terlibat secara langsung dalam cerita tersebut.

Walaupun hubungan antara sastera dan masyarakat telah dibicarakan sejak zaman Plato dan Aristotle, tetapi sosiologi sastera sebagai ilmu yang berdiri sendiri menggunakan teori dan metode ilmiah dianggap bermula pada abad ke-18. Buku teks pertama mengenai sosiologi sastera ialah *The Sociology of Art and Literature: a Reader* yang dihimpun oleh Milton C. Albrecht, James H. Barnett dan Mason Griff. Buku ini telah diterbitkan pertama kali pada tahun 1970. Jadi, boleh dikatakan bahawa kehadiran sosiologi sastera sangat terlambat apabila dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain, seperti sosiologi folklore, sosiologi pendidikan, sosiologi agama, sosiologi ideologi dan sosiologi politik (Suwardi, 2011, p.15).

Dalam konteks kesusasteraan Melayu, konsep sosiologi sastera umumnya terbahagi kepada tiga bentuk pemahaman dan penerapan. Pemahaman pertama bertolak daripada andaian bahawa teks sastera bebas daripada tuntutan dan pengaruh persekitaran. Justeru, kajian dipusatkan kepada teks semata-mata dan ditumpukan kepada usaha menyerlahkan gambaran masyarakat fiktif seperti yang tertera dalam teks yang dikaji. Kajian seperti ini tidak jauh berbeza daripada kajian intrinsik yang lumrah ditemui. Pemahaman kedua menghujahkan bahawa persekitaran mempunyai kaitan yang penting dengan karya yang terhasil. Justeru, kajian menganalisis dinamika antara teks dengan konteksnya dan bagaimana konteks tersebut mempengaruhi karya yang terhasil daripada isi dan bentuknya. Pemahaman ketiga, juga meyakini eratnya jalinan antara persekitaran dan karya, iaitu lebih menjurus kepada penggunaan sesuatu paradigma tertentu untuk mengkaji permasalahan yang dibangkitkan dalam teks sastera. Secara bandingan, pemahaman pertama adalah lebih jauh dominan dan merupakan

‘ilmu’ tentang sosiologi sastera yang dianuti dan diamalkan dalam sastera Melayu (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2006, p.3).

Secara keseluruhannya, data yang digunakan oleh ahli sosiologi bukan semata-mata data yang terdapat dalam sesebuah karya sastera, malah mereka menggunakan data sosioekonomi, politik, ideologi dan sejarah masyarakat sezaman supaya pengarang dapat menganalisis karya sastera itu sebagai produk sosial dan sebagai satu komponen dalam sistem idea sosial. Namun, memang sudah nyata bahawa teori sosiologi yang lebih bermakna dalam pengkajian sastera, lebih-lebih lagi teks sastera bukannya teori yang terlalu kuat orientasi positivitinya, tetapi teori yang berorientasi interpretif dan fenomenologi. Ini kerana sastera mempunyai ciri-ciri khususnya sendiri sebagai komponen bidang kemanusiaan (Abdul Rahman Embong, 1997, p.16).

Oleh hal yang demikian, pendekatan ini agak sesuai bagi kajian pengkaji kerana salah satu aspek kajian ialah melihat situasi dan keadaan yang cuba digambarkan oleh pengarang dalam novelnya, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* oleh A.Samad Said. Apabila melihat aspek ‘masyarakat’, ianya merujuk kepada sesuatu kumpulan, organisasi atau komuniti yang terdiri daripada beberapa individu yang berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi dalam kalangan sesebuah kelompok masyarakat mampu mewujudkan suatu perhubungan atau situasi tertentu (Fatimah Daud, 1992, p.82-83). Justeru, seseorang pengarang biasanya akan mengkaji sesebuah kelompok masyarakat dari segi pola perubahan dan kehidupan mereka melalui karya-karyanya dengan menggunakan pendekatan sosiologi tertentu.

Umar Junus (1986, p.1) pula, membincangkan pendekatan sosiologi sastera berdasarkan kepada tiga aspek atau tiga klasifikasi. Pertamanya ialah, beliau melihat sesebuah karya sastera sebagai dokumen yang berkaitan dengan sosiobudaya yang menggambarkan sesuatu zaman atau jangka masa tertentu. Keduanya ialah, melihat sesebuah karya sastera itu dari segi penghasilan terutamanya melihat kedudukan sosial,

ideologi dan latar belakang pengarang. Hal ini kerana, komponen-komponen ini menjadi kunci utama bagi menghasilkan sesebuah karya sastera yang bermutu. Aspek kedua ini juga selaras dengan pendekatan yang diperkenalkan oleh R.Escarpit (1967). Seterusnya, aspek ketiganya ialah melihat sesebuah karya sastera dari segi bagaimanakah masyarakat menerimanya. Biasanya, masyarakat akan menerima karya sastera tertentu jika ceritanya mempunyai hubungan dengan sejarah atau sebarang peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka dalam jangka masa tertentu. Aspek ini pula, boleh dihubungkaitkan dengan pendekatan Leo Lowenthal (1964), iaitu salah seorang ahli sosiologi yang agak terkenal di Jerman.

Biasanya kajian-kajian yang dilakukan menggunakan pendekatan sosiologi sastera akan melihat kelompok masyarakat seperti yang terdapat dalam sesebuah teks tersebut sama ada masyarakat yang moden atau masyarakat silam, iaitu masyarakat kolonial yang hidup semasa zaman penjajahan ataupun semasa zaman peperangan. Lazimnya, pengkaji akan mengkaji kelompok masyarakat tersebut berdasarkan pelbagai aspek seperti isu agama, politik dan sosial yang diperlihatkan melalui watak dan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam cerita dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, boleh disimpulkan bahawa pendekatan sosiologi sastera sebagai sebuah pendekatan yang sesuai bagi melihat dan menggali elemen-elemen masyarakat dan kemasyarakatan (Ungku Maimunah Mohd.Tahir, 2006, p.8-9).

Apabila melihat pendekatan sosiologi sastera ini, ia menjadi asas kepada kemunculan teori-teori sosial yang lain seperti teori Marxisme oleh Karl Marx, teori Strukturalisme Genetik oleh Lucien Goldmann, teori Dialogisme Bakhtin oleh Mikhail Bakhtin, teori Resepsi oleh Leo Lowenthal dan sebagainya. Teori-teori tersebut muncul selaras dengan peredaran zaman, iaitu dari zaman penjajahan berubah kepada zaman kemerdekaan dan seterusnya zaman permodenan dan perindustrian. Walau

bagaimanapun, pengkaji memilih teori Strukturalisme Genetik yang diperkenalkan oleh ahli sosiologi Perancis, Lucien Goldmann bagi mengkaji novel *Sungai Mengalir Lesu*.

## 2.4 Teori Strukturalisme Genetik

Lahirnya ramai tokoh terkemuka dalam bidang sosiologi sastera dengan memperkenalkan teori-teori sosial tertentu seperti Alan Swingwood, Karl Marx, Geogei Plekhanov, George Lukacs, Lucien Goldmann dan Bertold Bretcht. Teori dan gagasan pemikiran mereka digunakan oleh ramai pengkaji bagi melakukan penelitian terhadap karya-karya sastera terutamanya genre novel (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995, p.46). Hal ini kerana, teori-teori yang diperkenalkan oleh ahli-ahli sosiologi tersebut mampu memberikan gambaran sosial sesebuah masyarakat dari segi pelbagai aspek.

Lucien Goldmann merupakan antara tokoh sosiologi yang popular dengan teorinya, iaitu teori Strukturalisme Genetik. Beliau merupakan tokoh kelahiran Rumania dari Sekolah Frankfrurt dan beliau merupakan pengikut aliran Marxis di Perancis. Bagi Goldmann, karya sastera harus dikaji dari segi strukturnya dan bukannya berdasarkan kepada isinya (Azman Ismail, 2000, p.9). Beliau memperkenalkan teori ini kerana beliau tidak berpuas hati dengan teori strukturalisme sebelumnya yang hanya menekankan unsur-unsur intrinsik sesebuah karya dan tidak memberikan perhatian kepada unsur-unsur ekstrinsik sesebuah karya iaitu unsur-unsur yang berada di luar lingkungannya seperti status sosial pengarang, keadaan psikologi pengarang atau pembaca, pandangan dunia seseorang pengarang dan sebagainya.

Salah satu prinsip utama yang terdapat dalam teori Strukturalisme Genetik ialah, teori ini dapat mencerminkan keilmiahan dan kerealitian bidang sosiologi yang bersifat sejarah ataupun historis. Oleh hal yang demikian, fakta-fakta kemanusiaan yang terdapat dalam sesebuah karya harus dikaji dengan menggunakan metode yang sosiologis atau historis. Beliau juga percaya bahawa, jika bidang sosiologi dipisahkan dengan sejarah

maka disiplin tersebut tidak menjadi sahih dan tidak meyakinkan. Beliau menamakan teorinya sebagai teori Strukturalisme Genetik kerana menurut beliau, karya sastera merupakan sebuah struktur produk daripada proses atau peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku. Beliau membahagikan teorinya kepada tiga bahagian iaitu fakta kemanusiaan, subjek kolektif dan pandangan dunia (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995, p.48).

*In genetic structuralism, there exist three fundamental characteristics of human behavior which underlie the study of culture and society: 1. The first characteristic of human action and thought is that it has a tendency to adapt to environment either reinforcing the present order or challenging to change it; 2. He second is a tendency, either in individual or in groups, to conform to a general order at creating new structural forms; 3. He third tendency is to modify the order and thereby transcends it.*

(Layiwola, 1998, p.157-158)

Menurut Layiwola, teori Strukturalisme Genetik mempunyai tiga ciri perilaku manusia berdasarkan bidang ilmu budaya dan masyarakat. Pertamanya ialah sifat manusia ataupun pemikiran manusia yang mampu mengadaptasikan persekitaran yang ada dan berpotensi untuk mengubahnya. Ciri kedua pula ialah kecenderungan manusia untuk menyesuaikan diri dengan bentuk-bentuk struktur yang baru baik secara individu atau kumpulan. Manakala, ciri ketiganya ialah manusia mempunyai kecenderungan untuk membuat penambahbaikan dan perubahan terhadap susunan struktur serta menjadikannya lebih penting.

Berdasarkan pendapat di atas dapatlah disimpulkan bahawa, teori Strukturalisme Genetik sebagai teori yang boleh digunakan bagi membuat kajian terhadap teks-teks sastera yang menghubungkan struktur dalamannya dengan unsur-unsur luaran seperti latar belakang, sosial, sejarah dan budaya yang mewakili pandangan dunia si pengarang sebagai subjek kolektif. Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih teori Stukturalisme Genetik sebagai pendekatan yang sesuai bagi menghubungkaitkan bahan kajian yang

bertajuk novel *Sungai Menagalir Lesu* oleh A Samad Said dengan unsur-unsur luarannya seperti yang dijelaskan di atas.

Goldmann juga berpendapat bahawa seseorang individu tidak mungkin mempunyai pandangan dunianya, iaitu *world view* sendiri. Biasanya seseorang pengarang akan menyuarakan pandangan dunia suatu kelompok sosial, iaitu *trans-individual subject* kerana pengarang merupakan wakil ataupun anggota sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, pandangan ini dikatakan bukan realiti. Ia hanya dapat dinyatakan dalam bentuk ataupun gaya seseorang pengarang dengan membawanya ke tingkat kepaduan yang tinggi dalam bentuk ciptaan yang imaginatif dan konseptual (Umar Junus, 1986, p. 25-26).

Mengikut pengertian sosiologi sastera, perhatian ditumpukan kepada interpretasi sosiobudaya terhadap bidang sastera. Sastera dipercayai berkembang melalui pembaharuan. Walau bagaimanapun, setiap perkembangan dan pembaharuan itu dapat dihubungkan dengan latar belakang sosiobudaya. Tetapi, Lucien Goldmann tidak menerangkan dan menjelaskan hal ini walaupun pendekatan beliau terbatas kepada novel. Manakala teori yang diperkenalkan oleh beliau tidak mementingkan perkembangan dan pembaharuan. Sebaliknya, teori beliau mementingkan penyempurnaan dan perubahan. Bagaimanapun, teori Strukturalisme Genetik merupakan pendekatan yang paling kuat. Teori-teori lain pula mungkin wujud hanya akibat, iaitu sebagai teori sastera daripada idea-idea Karl Marx (Umar Junus, 1986, p.30).

*By 'World view' we mean a coherent and unitary perspective concerning man's relationships with his fellow men and with the universe. Since the thought of individuals is rarely coherent and unitary, a world view rarely corresponds to the actual thought of particular individual. Thus, a world view is not given empirical reality, but a conceptual instrument for doing research; an extrapolation constructed by the historian which, however, is not arbitrary, since it is founded on the structure of the real thought of.*

(Lucien Goldmann, 1980, p.11)

Berdasarkan pendapat Lucien Goldmann dalam bukunya *Essays on Method in the Sociology of Literature* seperti di atas, ‘Word view’ ialah pandangan yang mempunyai koheren dan kesatuan dalam hubungan sesama manusia dengan alam semesta. Jika pandangan individu yang terdapat dalam sesebuah kelompok masyarakat tidak mencapai kesatuan maka ia akan menjelaskan keseimbangan yang sedia ada. Oleh hal yang demikian, kita tidak seharusnya percaya terhadap pandangan individu semata-matanya kerana ia tidak mampu memberikan realiti yang empirikal. Jadi, kajian harus dilakukan berdasarkan kepada unsur-unsur sejarah bagi mendapatkan struktur pemikiran yang sebenar serta yang boleh dipercayai.

Justeru, pemikiran individu memainkan peranan penting dalam sesebuah karya sastera. Karya sastera merupakan suatu ciptaan seni yang dihasilkan oleh seseorang agar dinikmati dan difahami oleh masyarakat. Biasanya sasterawan ataupun pengarang sesebuah karya sastera terdiri daripada anggota masyarakat tertentu yang mampu mencerminkan segala masalah dan peristiwa yang berlaku dalam kumpulan masyarakat tersebut. Dalam pengertian lain, segala hubungan antara masyarakat dengan individu, antara manusia dan antara peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam batin seseorang dapat digambarkan oleh seseorang pengarang melalui karya sastera (Hashim Awang, 1997, p.26). Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pemikiran seseorang pengarang mewakili pemikiran segala manusia atau individu yang terdapat dalam sesebuah masyarakat.

Selain itu, Lucien Goldmann turut berusaha untuk melihat hubungan sesebuah karya sastera terutamanya novel yang dihasilkan oleh seseorang pengarang pada zaman atau pada masa tertentu dengan sistem ideologi sesebuah masyarakat khususnya kelompok masyarakat yang berkuasa di sesebuah negara. Keadaan ini dapat membantu pengarang untuk memperlihatkan kesedaran dalam sesebuah masyarakat di mana pengarang itu sendiri menjadi wakil dalam masyarakat tersebut. Hal ini kerana proses

kepengarangan si pengarang dipengaruhi oleh segala peristiwa dan pengalaman yang dilaluinya. Goldmann juga dipengaruhi dengan pendapat Lukacs yang melihat karya sastera sebagai karya seni yang terhasil daripada kesedaran dan tingkah laku sosial. Walau bagaimanapun, Goldmann tidak begitu menyokong pendapat Lukacs, iaitu melihat karya sastera sebagai cerminan sosial malah beliau berpegang kepada hubungan yang lengkap antara karya sastera dengan aspek sosial pengarang. Oleh hal yang demikian, secara tidak langsung teori Strukturalisme Genetik menjadi sebuah teori yang bersifat sosiologis jika dibandingkan dengan teori yang diperkenalkan oleh Lukacs (Azman Ismail, 200, p.11-12).

Berdasarkan teori Strukturalism Genetik, Goldmann memberi penekanan kepada aspek watak, iaitu salah satu aspek yang penting baginya. Situasi dan sifat-sifat yang didukung oleh watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya sastera mampu memberikan makna yang dinamik bagi pembaca. Aspek watak juga menjadi alat pengukur bagi pemikiran masyarakat dan perubahan struktur dalam sesebuah novel. Oleh hal yang demikian, watak-watak yang terdapat sepanjang jalan cerita baik watak utama ataupun watak sampingan memainkan peranan penting bagi mencerminkan perubahan sosial, konflik-konflik yang berlaku dan pandangan dunia masyarakat setempat (Azhar Hj Wahid, 2009, p.31-32).

Walau bagaimanapun, terdapat tiga elemen dalam teori Strukturalisme Genetik yang mempunyai kepentingan tersendiri bagi melengkapkan sesebuah kajian. Berikut ialah tiga elemen yang ditekankan oleh Lucien Goldmann iaitu fakta kemanusiaan, subjek kolektif dan pandangan dunia.

#### **2.4.1 Fakta Kemanusiaan**

Fakta kemanusiaan bermaksud segala perlakuan atau aktiviti manusia secara verbal ataupun fizikal yang dapat diterima dan difahami oleh ilmu pengetahuan.

Goldmann beranggapan bahawa, fakta kemanusiaan ialah suatu struktur yang mempunyai erti ataupun makna tertentu (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995: 48). Fakta kemanusiaan yang terdapat dalam teori Strukturalisme Genetik ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu fakta individual dan fakta sosial. Fakta pertama, iaitu fakta individual dikatakan berkaitan dengan mimpi dan perilaku libidinal manakala fakta kedua, iaitu fakta sosial dipercayai berkaitan dengan sejarah. Menurut Goldmann, fakta-fakta ini merupakan usaha manusia untuk mencapai keseimbangan dengan dunia sekitarnya (Faruk, 1999, p.12-13).

Faruk (1999, p.12) juga berpendapat bahawa fakta kemanusiaan ialah perilaku manusia yang wujud dalam pelbagai bentuk seperti aktiviti sosial, politik, falsafah, kesenian dan sebagainya. Manakala, Suwardi dan Endaraswara (2003, p.60) pula beranggapan bahawa karya sastera merupakan satu-satunya yang dapat mengungkapkan fakta kemanusiaan dengan terperinci dan jelas. Hal ini kerana fakta-fakta ini mempunyai makna yang dapat mencerminkan suara subjek kolektif dan individu yang terdapat dalam kelompok masyarakat. Fakta kemanusiaan yang terdapat dalam sesebuah karya sastera membantu manusia untuk mengimbangkan kehidupan harian dengan alam semesta. Selain daripada itu, pelopor teori Strukturalisme Genetik iaitu Lucien Goldmann pula percaya bahawa fakta kemanusiaan sebagai struktur yang mempunyai erti yang tertentu. Dengan erti kata lain, fakta-fakta ini mampu mencipta hubungan yang baik antara manusia dengan alam sekitar tanpa menjelaskan keseimbangan yang ada (Andi Dwi Handoko, 200, p.52).

#### **2.4.2 Subjek Kolektif**

Seperti yang dibincangkan tadi, fakta-fakta kemanusiaan dari segi pelbagai aspek berpusatkan kepada pemikiran sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, Goldmann berpendapat bahawa bukan semua fakta kemanusiaan bersumberkan kepada subjek

individual malah ia bergantung kepada revolusi bidang-bidang tertentu seperti sosial, politik, ekonomi dan kebudayaan termasuk karya atau teks sastera yang dianggap sebagai fakta sosial, iaitu fakta yang bersifat sejarah. Beliau turut berpendapat bahawa sesebuah karya sastera muncul disebabkan oleh kesedaran dan tingkah laku sosial sesebuah kelompok masyarakat dan merekalah yang menentukan serta menetapkan hubungan-hubungan sosial dalam sesebuah karya (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995: 49).

Karya sastera juga dikatakan memuatkan segala nilai-nilai sosial masyarakat kerana ia merupakan pemikiran spekulatif pengalaman manusia yang berkaitan dengan individu, masyarakat dan bangsa. Dalam aspek ini, nilai sejarah dan budaya akan membentuk struktur dalam sesebuah karya dan akan dipersembahkan oleh pengarang melalui gaya penulisannya berdasarkan struktur-struktur mental yang dikenali sebagai '*transindividual*'. Goldmann berpendapat bahawa transindividual mampu menampilkan pemikiran-pemikiran individu tetapi ianya akan ditampilkan dengan struktur mental sesebuah kelompok. Oleh hal yang demikian, subjek transindividual dikatakan tidak boleh berdiri sendiri sebagai kumpulan individu malah ia hanya boleh berdiri sebagai satu kesatuan. Mengikut teori Strukturalisme Genetik subjek kolektif memainkan peranan penting bagi membangunkan pandangan dunia, iaitu ciri ketiga yang ditekankan oleh Lucien Goldmann selain daripada fakta kemanusiaan dan subjek kolektif (Andi Dwi Handoko, 2010, p.51-53).

Biasanya, subjek kolektif ini menjadi subjek yang asas dalam karya sastera kerana karya sastera menjadi medium yang mencerminkan hubungan yang wujud antara alam semesta dengan kelompok manusia. Karya sastera juga mendukung segala persoalan yang berkaitan dengan alam semesta serta hukum-hukumnya. Walau bagaimanapun, menurut Goldmann subjek kolektif yang lebih dikenali sebagai transindividual ini masih menjadi konsep yang kabur kerana ia bergantung kepada

beberapa sebab tertentu. Selaras dengan itu, Goldmann merumuskan subjek kolektif seperti berikut:

*The subject of human behavior and the creator of structures could not be as an individual. All historical actions can be studied scientifically, can only be understood and made rational when they are related to collective subjects. Cultural works are great to the extent that they express a global image of man and the universe. In studying such important works, one should investigate privileged groups and the global structure of society. It is through such groups that we can comprehend the genesis of a work.*

(Lucien Goldmann, 1981, p.41)

Petikan di atas menggambarkan pemahaman Goldmann terhadap subjek kolektif yang menjadi elemen penting dalam teori Strukturalisme Genetik. Menurut beliau, perilaku manusia hanya dapat difahami secara kelompok dan bukannya secara individu. Selain itu, segala perilaku yang berkaitan dengan sejarah dapat difahami jika melakukan kajian secara ilmiah bagi mendapatkan dapatan yang rasional. Dalam konteks ini, karya-karya yang berkaitan dengan kebudayaan mampu memberikan imej tentang global yang merangkumi manusia dan alam semesta. Oleh hal yang demikian, seseorang pengkaji harus memberi perhatian kepada struktur masyarakat bagi mendapatkan data atau maklumat yang jitu. Keadaan ini akan membantu pengarang bagi menghasilkan sesebuah karya yang bersifat realiti dan boleh dipercayai dan mudah difahami oleh khalayak pembaca.

#### **2.4.3 Pandangan Dunia**

‘Pandangan dunia’ merupakan ciri ketiga yang menjadi aspek penting dalam teori yang diperkenalkan oleh Lucien Goldmann. Ciri ini dikenali sebagai *Vision du monde* dalam bahasa Perancis dan dikenali juga sebagai *World View* dalam bahasa Inggeris. Menurut beliau, pandangan dunia ialah ideologi unggul sesebuah kelompok sosial dari segi pemikiran dan kebudayaan kelompok tertentu. Ia juga berperanan sebagai kesedaran yang membantu menghubungkan segala identiti kolektif yang dimiliki oleh

sesebuah kelompok sosial. Biasanya, perubahan kesedaran yang berlaku dalam kelompok sosial akan mempengaruhi pandangan ini kerana aspek pandangan dunia juga dikenali sebagai kesedaran kelas sosial (Azman Ismail, 2000, p.15).

Beliau percaya bahawa, pengarang sebagai anggota masyarakat yang berpelajaran dapat memahami serta terlibat secara langsung dalam perubahan struktur sosial yang berlaku dari semasa ke semasa. Pandangan dunia yang dimiliki oleh seseorang pengarang akan diekspresikan dalam sesebuah karya sastera bagi difahami oleh masyarakat yang menjadi kumpulan pembaca. Apabila melihat penerapannya dalam karya sastera, pengarang akan meneliti struktur dalam teks dan cuba menghubungkannya dengan struktur-struktur yang lain. Apabila kita melihat sesebuah karya sastera terutamanya genre novel, ia merangkumi kerangka pemikiran, penentangan dan perjuangan kelas yang cuba disuarakan oleh pengarang kepada dunia (Azman Ismail, 2000, p.16-17).

Bagi memahami aspek pandangan dunia ini Goldmann mengenal pasti dua kaedah yang dapat membantu para pembaca. Kaedah pertama ialah mengkaji dan mengetahui latar belakang atau biografi seseorang pengarang. Pembaca atau pengkaji bukan hanya menumpukan perhatian kepada teks semata-mata malah harus mendapat tahu kehidupan seseorang pengarang sebagai wakil sesebuah kelompok masyarakat. Antara aspek yang boleh dikaji ialah zaman kanak-kanak si pengarang, zaman persekolahan dan pengajian tinggi, latar masyarakat serta proses kepengarangannya. Keadaan ini sudah pasti memberikan jawapan yang sahih bagi setiap persoalan yang bermain dalam minda pembaca. Hal ini demikian kerana, latar belakang pengarang memainkan peranan penting dalam penghasilan karya yang realistik dan bermutu (Azman Ismail, 2000, p.17).

Apabila melihat kaedah kedua pula, ia menumpukan perhatian terhadap struktur mental yang terdapat dalam karya seseorang pengarang. Melalui kaedah ini, pembaca

dapat memahami sesebuah karya lebih mendalam dan turut mendapat gambaran yang jelas tentang ceritanya kerana salah satu ciri karya sastera ialah ia mempunyai kesahihan dan kesepadan yang tersendiri. Goldmann yakin bahawa sesebuah teks sastera mendukung gagasan ataupun pemikiran sesebuah kelompok masyarakat melalui penulisan pengarang. Biasanya, aspek yang diketengahkan oleh pengarang boleh berbentuk aspek ekonomi, politik ataupun sosial (Azman Ismail, 2000, p.5-18).

Apabila kita melihat pendapat Abrams, pandangan dunia ialah cara atau pandangan yang digunakan oleh seseorang pengarang sebagai medium untuk mengisahkan tentang ketokohan, latar, dan pelbagai peristiwa yang membantu untuk membentuk sesebuah cerita yang disajikan dalam bentuk karya teks fiksyen. Oleh hal yang demikian, seperti yang dibincangkan tadi biografi pengarang memainkan peranan penting untuk mendapat tahu pandangan dunia yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam sesebuah cerita. Biografi boleh dikatakan sebagai riwayat hidup seseorang yang ditulis oleh orang lain. Hal ini demikian kerana, masyarakat sebagai pembaca tidak boleh mendapat tahu tentang ideologi, gagasan pemikiran dan sikapnya semata-mata melalui karya-karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang tersebut malah kita harus merujuk balik biografinya bagi memastikan hubungan yang berlaku antara pola pemikirannya dengan hasil ciptaan karya-karyanya (Andi Dwi Handoko, 2010: 41-44).

Pandangan dunia merupakan ciri yang paling utama dalam teori Strukturalisme Genetik. Homologi, kelas-kelas sosial, struktur bermakna dan transindividual diarahkan pada pemahaman yang dianggap sebagai simpulan suatu penelitian. Pandangan dunia ini membantu seseorang pengarang untuk mengasilkan hasil kepengarangan yang baik.

(Nyoman Kutha Ratna, 2009, p.125-126)

Mengikut Nyoman Kutha Ratna, apabila pembaca mengetahui pandangan dunia seseorang pengarang maka mudahnya untuk mendapat tahu kecederungan sesebuah masyarakat, sistem ideologi sosial dan sebagainya. Pandangan dunia pengarang juga

membantu untuk memaparkan jalan cerita yang bukan berbentuk imaginasi sebaliknya cuba memerihalkan situasi yang sebenar. Selain daripada itu, bagi menyusun pandangan dunia pengarang dalam sesebuah karya aspek kelompok sosial pengarang harus dikaji terlebih dahulu. Hal ini kerana, kelompok sosial pengarang akan memberikan informasi yang jelas tentang kehidupan pengarang. Kadangkala pembaca juga boleh mengkaji tokoh-tokoh yang mempunyai pandangan dunia yang sama dengan pengarang bagi mendapatkan maklumat yang terperinci tentang gagasan yang cuba disuarakan oleh pengarang (Andi Dwi Handoko, 2010, p.63-65).

Lucien Goldmann juga menyedari kepentingan pandangan dunia pengarang dalam sesebuah karya sastera sehingga memperkenalkan dua syarat utama dalam teorinya. Syarat pertamanya ialah pandangan dunia pengarang yang memberikan perhatian terhadap fakta estetika. Fakta estetika ini menekankan dua hubungan penting, iaitu hubungan antara pandangan dunia sebagai suatu kenyataan yang dialami dengan alam ciptaan pengarang dan hubungan seterusnya ialah hubungan antara alam ciptaan dengan aspek-aspek yang didukung oleh karya sastera seperti aspek sintaksis, gaya dan cara yang digunakan oleh pengarang dalam penulisannya.

Syarat kedua pula menjelaskan bahawa kesesuaian ciri pandangan dunia pengarang yang boleh diaplikasikan dalam karya-karya sastera lama atau masa lampau. Namun, syarat ini tidak boleh dikatakan sebagai salah satu prinsip yang utama malah ianya hanya sekadar pernyataan fakta sahaja (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995, p.50). Secara keseluruhannya, pandangan dunia memainkan peranan penting dalam mengemukakan pandangan serta maklumat yang jelas mengikut zaman tertentu. Walau bagaimanapun, tiga ciri yang yang diperkenalkan oleh Lucien Goldmann dalam teori Strukturalisme Genetik, iaitu fakta kemanusiaan, subjek kolektif dan pandangan dunia pengarang mempunyai makna tertentu dan kesemuanya mampu memberikan impak yang mendalam terhadap sesebuah karya sastera.

Kesimpulannya, teori Strukturalisme Genetik merupakan sebuah teori yang sempurna dan dianggap sesuai bagi mengkaji karya-karya terutamanya genre novel yang mempunyai nilai-nilai sejarah ataupun lebih dikenali sebagai novel-novel yang bersifat historis. Hal ini demikian kerana, ciri-ciri yang terdapat dalam teori tersebut mampu mengupas segala maklumat yang akan dikaji dengan mudah. Justeru, pengkaji memilih teori Strukturalisme Genetik ini bagi mengkaji novel *Sungai Mengalir Lesu* oleh A.Samad Said dari segi beberapa perspektif, iaitu segala konflik yang telah berlaku sepanjang jalan cerita, hubungan antara latar belakang pengarang dengan karya yang yang dihasilkannya dan pandangan dunia pengarang, iaitu pemikiran sosial yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak.

## **BAB 3 : LATAR BELAKANG A.SAMAD SAID DAN KEPENGARANGANNYA**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan latar belakang pengarang novel *Sungai Mengalir Lesu*, iaitu A.Samad Said. Kehidupan dan pengalaman yang dilaluinya memainkan peranan penting dalam bidang kepengarangannya. Justeru, pengkaji akan menganalisis serta menjelaskan latar belakang sasterawan negara tersebut bagi meneliti hubungannya dengan karya-karya yang dihasilkan serta melihat bagaimanakah perjalanan hidup beliau mempengaruhi dunia penulisannya. Latar belakang dan ketokohan beliau juga digunakan untuk menganalisis karya beliau, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* berdasarkan teori pilihan, iaitu teori Strukturalisme Genetik. Skop kajian ini akan membantu pembaca untuk melihat serta memahami perjalanan seseorang penulis yang menyumbang kepada kejayaan dalam melahirkan sesebuah karya yang selaras dengan gaya hidupnya.

### **3.2 Latar Belakang A.Samad Said**

Abdul Samad bin Muhammad Said merupakan seorang sasterawan negara yang lebih dikenali dengan nama samarannya, iaitu A.Samad Said ataupun Pak Samad. Beliau telah dilahirkan pada tanggal 9 April 1935 di sebuah kampung yang terletak di Durian Tunggal, Melaka, iaitu Kampung Belimbing Dalam. Apabila melihat kedua-dua orang tua A.Samad Said, ayahnya bernama Mohd.Said bin Mohd.Yusof dan beliau bekerja sebagai inspektor trem di Singapura. Manakala ibunya pula bernama Aminah Mohd.Amin dan beliau berasal dari Kampung Belimbing Dalam yang terletak di Melaka. A.Samad said merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik dalam keluarganya. Beliau dikatakan dibawa ke Singapura oleh keluarganya semasa beliau berumur enam bulan. Walaupun mereka sekeluarga berhijrah ke Singapura tetapi

mereka tetap mempunyai hubungan yang erat dengan penduduk kampungnya kerana terdapat juga penduduk yang berhijrah ke Singapura untuk mencari rezeki sama seperti keluarga beliau (Rosnah Baharuddin, 2000, p.17-18).

### **3.3 Pendidikan**

Aspek pendidikan merupakan aspek yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang bagi menentukan tahap keintelektualan. Selaras dengan itu, apabila melihat dunia pendidikan A.Samad Said, beliau mendapat pendidikan awal iaitu pendidikan formal di sebuah sekolah Melayu iaitu Sekolah Melayu Kota Raja sehingga darjah empat iaitu dari tahun 1940 hingga 1946. Kemudiannya, beliau meneruskan pejarannya di sebuah sekolah Inggeris iaitu di *Monk's Hill School* di Singapura. Seterusnya, beliau memasuki sebuah sekolah Inggeris yang lain iaitu *Victoria Institution* dan disebabkan terlebih umur beliau telah dihantar ke *Beatty Secondary School* sehingga memperolehi sijil *Senior Cambridge* pada tahun 1956. A.Samad Said merupakan hanya satu-satunya daripada adik-beradiknya yang melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris. Hal ini demikian kerana, kedua-dua ibu bapanya sedar bahawa sekolah aliran Inggeris sudah tentu akan memberikan masa depan yang cerah bagi anaknya serta mereka akur bahawa sijil sekolah Inggeris mempunyai nilai ekonomi yang agak tinggi pada masa itu (Rosnah Baharuddin, 2000, p.17-18).

Beliau juga gemar membaca buku-buku dan majalah-majalah yang berkaitan dengan sastera. Beliau dikatakan banyak menghabiskan wang dengan membeli buku-buku yang dijual di sepanjang *Joo Chiat Road*, *Bras Basah Road* dan *Sungai Road* yang terletak di Singapura. Menurut ibunya, A.Samad Said turut gemar meminjam buku-buku dari perpustakaan sekolah dan *Raffles Library*. Sejak kecil lagi, beliau minat membaca buku-buku terutamanya buku-buku yang berkaitan dengan bidang sastera sama ada kesusteraan Melayu ataupun kesusteraan Inggeris. Antara pengarang

Singapura yang menjadi tumpuannya pada ketika itu ialah Asraf, Usman Awang dan Han Suyin (Rosnah Baharudin, 2000, p.24-25).

A.Samad Said juga boleh dikatakan sebagai seorang pelajar yang rajin, ulat buku dan sering mendapat perhatian daripada guru-gurunya semasa berada di bangku sekolah. Setiap kali beliau disuruh membaca ayat-ayat yang ditulis oleh gurunya pada papan hitam dan diikuti oleh rakan-rakan sekelasnya. Keadaan ini memberikan suatu penghormatan dan kebanggaan dalam diri beliau kerana beliau sering dipilih sebagai penghulu bacaan dalam kelas. Walau bagaimanapun, zaman persekolahan yang indah tersebut tiba-tiba terhenti dan bertukar menjadi suatu tragedi apabila pihak Jepun menjatuhkan bom di Singapura. A.Samad Said yang berusia kanak-kanak menjadi bingung dan takut dengan dentuman bom yang jatuh berhampiran dengan sekolahnya. Keadaan ini turut memberikan impak yang mendalam, iaitu bunyi letupan yang kuat telah pun menjaskan sarafnya sehingga beliau dilabelkan sebagai anak yang gagap kerana tidak dapat bertutur dengan lancar serta proses pertuturannya telah menjadi lambat.

Apabila Jepun merampas Singapura pada tahun 1942, A.Samad Said yang masih kecil terpaksa memasuki sekolah Jepun di Singapura, iaitu sekolah *Shihan Gakko*. *Shihan Gakko* merupakan sebuah sekolah Jepun yang mendisiplinkan muridnya-muridnya dengan nyanyian lagu-lagu patriotik dan aktiviti-aktiviti yang berbentuk ketenteraan. Semasa beliau memasuki sekolah Inggeris beliau gemar membaca buku-buku dan suka menonton filem-filem Hindustan sehingga pernah terlintas dalam fikirannya untuk mengahwini wanita India. Antara buku-buku yang menjadi pilihannya ialah buku-buku umum seperti buku ekonomi, sejarah, sosio politik dan falsafah. Namun, pilihan utamanya ialah buku-buku yang berbentuk sastera yang telah pun sebat dengan diri dan jiwanya (Awang Abudullah, 2001, p.20-21).

Selain daripada itu, minat beliau bukan sahaja hanya menjurus kepada buku-buku Melayu dan Inggeris malah beliau juga mempunyai minat akan karya-karya Jepun, Korea dan Rusia. Antara karya-karya Jepun yang disukainya ialah karya Osamu Dazai dan Yasunari Kawabata, Junichiro Tanazaki dan Yukio Mishima (Awang Abdullah, 2001, p.22). Keadaan ini membuktikan A.Samad Said sebagai seorang sasterawan yang menerobos sempadan benua dalam meneliti kesusasteraan dunia tanpa mengira bahasa dan budaya. Sikap ini juga membantunya untuk digelar sebagai sasterawan tersohor negara serta seniman yang berbakat. Keadaan ini turut mananam minat dalam dirinya untuk terlibat dalam dunia penulisan bagi menghasilkan karya-karya yang bermutu dalam bidang kesusasteraan.

### **3.4     Dunia Kepenggarangan**

Segala insiden yang berlaku dalam hidup A.Samad Said telah memberikan suatu pengalaman yang cukup sempurna sehingga dapat mendewasakan hidupnya. Zaman peperangan dan penjajahan yang dilaluinya telah pun mengajar makna kesengsaraan serta kepiluan hidup. Beliau juga terpaksa menyaksikan dunia pelayan, pelacuran dan gangster semasa usia yang cukup kecil, iaitu semasa berumur lapan tahun. Keadaan ini menjadikannya sebagai pemerhati serta perakam segala kejadian untuk disampaikan kepada masyarakat dalam bentuk tulisan. Walau bagaimanapun, beliau menganggur beberapa bulan selepas tamat persekolahannya dan akhirnya, beliau mendapat kerja sebagai kerani di Hospital Besar Singapura. Pada ketika itu, A.Samad Said mempunyai tiga orang sahabat yang rapat, iaitu A.S.Amin, M.Ghazali dan Noor S.I yang sama-sama memiliki minat dalam dunia penulisan.

Mereka suka membaca serta menghasilkan karya-karya terutamanya karya-karya yang berkaitan dengan bidang sastera. Karya-karya yang dihasilkan oleh mereka akan dibincang sama-sama untuk melihat kelebihan dan kekurangannya. *Mastika* merupakan satu-satunya majalah yang menjadi pilihan mereka untuk menghantar karya-karya yang dihasilkan. Penulis-penulis terkenal seperti Usman Awang, Masuri SN, Awam-il-Sarkam, Bachtiar Djamil dan Affrini Adham telah menjadi idola bagi keempat-empat sahabat tersebut. Pada 1 haribulan September 1953, sajak A.Samad Said yang pertama, iaitu berjudul *Untuk Angkatan 50* telah pun tersiar dalam *Utusan Zaman*. Selain daripada sajak, A.Samad Said juga berfokus kepada penterjemahan cerpen-cerpen dunia seperti yang dilakukan oleh Othman Wok dan Asraf pada ketika itu(Awang Abdullah, 2001, p.20)

Selaras dengan minatnya, cerpen-cerpen terjemahan beliau diterima oleh majalah *Mastika*, iaitu satu-satunya majalah yang membuka ruang bagi sastera luar. Kebanyakan novel yang diterjemahkan oleh beliau telah pun dipetik daripada antologi cerpen yang bertajuk *World Prize's Series* yang popular pada zaman tersebut. Walau bagaimanapun, cerpen yang berjudul “*Mata dari India*” telah pun menjadi pilihan hatinya disebabkan oleh faktor-faktor tertentu (Awang Abdullah, 2001, p.25). Cerpen pertama beliau ialah “*Hari Ini Hari Gembira*” yang telah pun diterbitkan dalam majalah *Suasana* pada 8 Oktober 1954. Novel-novel yang seterusnya terus mendapat sambutan dalam kalangan pembaca hingga ke dekad 1990-an. Apabila mengupas kembali novel-novel yang dikarangnya, dapatlah kita melihat kebanyakannya berpandukan kepada pengalaman dan babak-babak yang dilaluinya semasa zaman penjajahan. Tempoh penjajahan Jepun di Singapura memberikan impak yang cukup mendalam kepada beliau sehingga novel-novel yang dikarangnya digelar sebagai *Novel-novel Derita* kerana kandungan ceritanya banyak berfokus kepada kesengsaraan yang

dialaminya semasa Singapura berada dalam cengkaman Jepun (Rosnah Baharuddin, 2000, p.44).

A.Samad yang terlalu fokus dalam dunia penulisan, telah pun gagal dalam *School Certificate* semasa percubaan pertamanya dan keadaan ini juga telah mencungkil kemarahan ayahnya yang terlalu memberi keutamaan kepada pendidikan anaknya. Namun, A.Samad said berjaya lulus dan memiliki *School Certificate* pada tahun berikutnya dengan mengambil kursus tersebut secara persendirian. Minat terhadap dunia penulisan yang dimiliki oleh A.Samad Said telah memberi peluang kepada dirinya untuk menjadi pekerja sambilan bagi majalah *Asmara* dan *Remaja*. Walau bagaimanapun, beliau mempunyai hasrat untuk bekerja di bawah majalah idamannya, iaitu *Mastika* dan beliau tetap bersabar sehingga peluang tersebut sampai ke tangannya.

Kemudiannya, A.Samad Said telah pun meletakkan jawatan sebagai kerani di Hospital Singapura walaupun gajinya agak lumayan dan seterusnya bekerja di bawah salah seorang penulis yang terkenal pada masa itu, iaitu Ahmad Boestamam bagi akhbar mingguan *Fikiran Rakyat*. Walaupun beliau bekerja di bawah penulis yang popular dengan gaji yang mencukupi tetapi semangat untuk bekerja di majalah *Mastika* dan *Syarikat Utusan Melayu* tetap membara dalam dirinya. Akhirnya, impian A.Samad Said telah pun termakbul apabila beliau mendapat tawaran dari *Syarikat Utusan Melayu*, tetapi hatinya pula tidak begitu tenteram kerana terpaksa meninggalkan akhbar *Fikiran Rakyat* yang banyak membantunya untuk belajar teknik-teknik penulisan dan menjadi rezeki apabila beliau menghadapi masalah kewangan selepas meletakkan jawatan sebagai kerani di hospital. Namun, beliau berharap bahawa Ahmad Boestamam akan memahami keadaannya serta sebabnya memilih *Syarikat Utusan Melayu* sebagai destinasinya. Apabila melihat kepada tempat kerja yang barunya, iaitu *Syarikat Utusan Melayu*, ianya memperkenalkan suatu dunia yang agak berbeza bagi A.Samad Said, iaitu dunia kewartawanan (Awang Abdullah, 2001, p.25-28).

Menurut A.Samad Said, pengalamannya dalam bidang penulisan boleh dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama dikenali sebagai “luka lama dan ketakjuban”. Fasa ini merangkumi tahun 1960-an di mana novel popularnya diterbitkan pada peringkat tersebut, iaitu novel *Salina*. Fasa kedua pula dinamakan sebagai fasa “kesan dan keletihan”, iaitu bermula pada tahun 1970-an. Pada peringkat ini beliau menghasilkan beberapa karya yang mendapat sambutan yang hangat seperti puisi *Benih Semalu*, novel *Di Hadapan Pulau* dan *Adik Datang*. Sepanjang fasa kedua karya-karya yang dihasilkan olehnya banyak berpusatkan kepada penderitaan yang ditanggungnya semasa pendudukan Jepun terutamanya pengalaman zaman kanak-kanaknya semasa bermulanya peperangan. Hal ini membuktikan bahawa pengalaman hidup seseorang penulis mempengaruhi psikologinya sehingga mendorong untuk menghasilkan karya-karya yang mengisahkan dunia sekitarnya serta pandangan sosialnya yang terjadi semasa zaman hidup masing-masing.

Fasa terakhir, iaitu fasa ketiga pula dikenali sebagai “renungan diri dan ghairah”. Karya-karya sepanjang fasa ini telah dipengaruhi oleh novel-novel dan pengarang-pengarang dari Amerika Latin. Fasa ini juga memberi peluang kepada A.Samad Said bagi mencuba untuk menerapkan unsur-unusr yang agak baru daripada sastera luar negara walaupun beliau sedar bahawa ianya agak sukar diterima oleh masyarakat Malaysia pada ketika itu (Rosnah Baharuddin, 2000, p.45-52). Oleh hal yang demikian, kita sebagai pembaca dapalah disimpulkan bahawa segala karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara tersebut banyak menerima ilham ataupun pengaruh daripada pengalaman-pengalaman yang dilaluinya sama ada baik atau buruk. Justeru, latar belakang pengarang boleh dikatakan bahawa ciri yang memainkan peranan penting dalam penghasilan sesebuah karya.

### **3.5 Dunia Kewartawanan**

A.Samad Said juga pernah menjelajahi dunia kewartawanan apabila memasuki Syarikat *Utusan Melayu* yang terletak di Kuala Lumpur. Tugas sebagai wartawan telah pun memberikan semangat kepadanya untuk bergiat aktif dalam bidang penulisan yang diceburinya sejak tahun 1950-an. Pada tahun 1957 pula beliau berpindah ke *Berita Harian* disebabkan oleh beberapa perkara tertentu. A.Samad Said juga pernah mengakui bahawa pengalaman bergaul dengan tokoh-tokoh ataupun penulis-penulis yang berwibawa seperti Usman Awang, Asraf Wahab dan Ahmad Boestamam telah memberikan semangat serta pengetahuan yang lebih luas dalam bidang penulisan serta bidang kewartawanan yang diceburinya.

A.Samad said banyak melibatkan diri dalam dunia kewartawanan pada hujung tahun 1950-an sehingga tahun 1960-an. Beliau juga pernah menceritakan bahawa beliau tidak dapat melupakan pengalaman hari pertamanya, beliau melaporkan diri sebagai wartawan di pejabat *Utusan Melayu*. Beliau turut mengakui bahawa beliau lebih suka menjadi wartawan meja, iaitu lebih kepada bidang editor dan bukannya wartawan lapangan. Tugas pertama yang diberikan kepadanya selepas melaporkan diri sebagai wartawan ialah menghadiri sidang akhbar mengenai pameran perdagangan Jepun. Namun, beliau tetap berkecil hati kerana berita yang ditulis sebanyak lima muka surat tentang pameran tersebut telahpun diringkaskan kepada satu perenggan semasa disiarkan. Walau bagaimanapun, hati beliau telah pun terubat apabila mendapat tugas untuk mengelolakan majalah idamannya, iaitu *Mastika*. Beliau tetap gembira dengan tugasnya walaupun ianya diamanahkan untuk sementara, iaitu sebelum dipindahkan ke Kuala Lumpur dari Singapura. Hal ini demikian kerana, *Mastika* merupakan satu-satunya majalah yang dimimpikan oleh A.Samad Said untuk bertugas (Awang Abdullah, 2001, p.34-36).

Dalam kesibukan tugasnya sebagai wartawan, A.Samad Said tetap meluangkan masa untuk menghabiskan novel pertamanya yang bertajuk *Gerhana* pada tahun 1957. Novel tersebut telah pun memenangi hadiah penghargaan dalam sebuah peraduan dan telah pun diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1961. Ia boleh dikatakan sebagai sebuah novel yang tebal dan berjaya dikarang oleh A.Samad Said pada usia yang begitu muda, iaitu semasa 23 tahun. Apabila mengkaji cerita di sebalik novel tersebut, ianya diterbitkan selepas beberapa halangan daripada ahli-ahli panel penilai yang terlalu sukar untuk meluluskannya. Walau bagaimanapun, Keris Mas merupakan antara orang yang mempertahankan novel tersebut kerana bagi beliau isi novel tersebut adalah baik. Malangnya, penilai-penilai lain tidak selari dengan pendapat Keris Mas dan sebaliknya menganggap bahawa novel tersebut agak kasar. Akhirnya, novel *Gerhana* telah pun diterbitkan dengan judul baru, iaitu *Salina* dan ianya diiktiraf sebagai novel yang bertaraf antarabangsa.

Kemudiannya beliau meneruskan perjalanan dalam bidang kepengarangan dengan menghasilkan beberapa buah novel yang terkenal seperti *Sungai Mengalir Lesu*, *Ke Mana Terbangnya*, *Langit Petang*, *Daerah Zeni* dan sebagainya. Namun, novel *Salina* mendapat sambutan yang hebat daripada pembaca dan mereka meletakkannya di puncak pengkaryaannya. Apabila melihat novel-novel yang lain, novel *Sungai Mengalir Lesu* boleh dikatakan sebagai novel yang agak popular dalam kalangan pembaca kerana ianya mengimbas kembali hari-hari silam yang dilalui oleh rakyat semasa pendudukan Jepun di Singapura. Ceritanya agak realistik kerana segala pengalaman dan kenangan yang dilalui oleh pengarangnya diselitkan dalam jalan cerita agar memberikan suatu kisah yang penuh bernyawa kepada khalayak pembaca. Oleh hal yang demikian, novel ini mendapat pujian orang ramai selepas novel *Salina*.

### **3.6 Penjelajahan Hidup**

Biasanya, seseorang sasterawan mempunyai minat dalam pengembaraan bagi mengumpul ilham untuk menulis. Mereka percaya bahawa segala perkara yang dilaluinya dan manusia yang melihatnya mampu memberikan idea yang boleh membantu dalam proses kepenggarangannya. Apabila melihat pengembaraan A.Samad Said, beliau boleh dikatakan mengembara ke negara-negara yang jauh dari sempadan tanah airnya seperti negara-negara Eropah, India, Indonesia dan banyak lagi. Pada tahun 1963 semasa umurnya 28 tahun, A.Samad Said telah mendapat peluang untuk terbang ke India di bawah suatu program, iaitu Program Pertukaran Budaya Malaya-India bersama beberapa seniman yang lain. Apabila beliau berada di Bombay yang kini dikenali sebagai Mumbai, beliau menghantar beberapa pucuk surat kepada isteri kesayangannya tentang pengalamannya di Bombay. Walaupun suratnya bersifat peribadi tetapi kandungannya tinggi dari segi nilai budaya dan siratan seni yang unik. Hal ini diketahui oleh pembaca kerana surat-suratnya telah dinamakan sebagai *Warkah kepada Salmi Manja* dan seterusnya diterbitkan oleh Penerbitan Federal Berhad (Awang Abdullah, 2001, p.39-40).

Apabila melihat negara-negara yang dijelajahinya, India merupakan negara yang memberikan pengalaman, impak dan pengetahuan yang sangat mendalam kepada dirinya. Hal ini boleh dibuktikan melalui surat-surat yang dihantar oleh beliau kepada isterinya. Setiap tempat yang beliau diciarahinya telah diperihalkan dengan cukup realistik. Antaranya ialah Bombay, New Delhi, Varanasi, Calcutta dan Madras. Segala aspek seperti budaya masyarakat, alam sekeliling, tempat-tempat bersejarah telah pun digambarkan dengan penuh berjiwa seni. Beliau juga mengaku bahawa penjelajahan ini memberikan peluang emas kepadanya untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang mungkin membantunya dalam bidang penulisan.

Selain daripada India, A.Samad Said juga merantau ke negara Eropah iaitu London dan Paris pada usianya 54 tahun. Beliau terbang ke London demi lawatan peribadi dan ke Paris pula untuk lawatan rasmi. Sama seperti surat yang ditulis oleh beliau dari India kepada isteri pertamanya, isteri keduanya Rashidah tetap menerima warkah dari Eropah. Tujuan utama warkah tersebut ialah bagi menceritakan segala pengalaman yang dilaluinya semasa beliau berada di London dan Paris bersama isteri dan anak-anaknya. Warkah pertamanya ialah dari Belcome St., London yang bertarikh 5 April 1989. Apabila mengimbas kembali surat-surat yang ditulisnya semasa berada di India, beliau telahpun menghantar sebanyak 24 pucuk surat kepada isteri pertamanya, Salmi Manja. Keadaan yang sama berlaku kepada isteri keduanya bagi tujuan berkongsi segala perkara yang berlaku semasa beliau berada di London dan Paris selama enam minggu.

Apabila pulang dari lawatannya, A.Samad Said telah diarahkan oleh Johan Jaaffar, iaitu Ketua Bahagian Penerbitan Am dari Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menulis sebuah buku yang menceritakan segala perjalanan yang diikutinya dan pengalaman yang dilaluinya sepanjang berada di negara asing tersebut. Akhirnya, *Warkah Eropah* telahpun diterbitkan dalam bentuk buku yang berjudul *Mewah*. Segala maklumat dan gambar-gambar yang diambil telah dimasukkan dalam buku tersebut dengan bantuan sahabat-sahabat lain, iaitu Wan A.Hulaimi, Andre Keneib, Magesvaran dan Richard Nair. Buku tersebut telah menjadi sebagai satu himpunan peta pengalaman yang diterbitkan pada tahun 1991 dengan harga RM60. Buku ini dianggap sebagai buku yang istimewa kerana A.Samad Said telah mendedikasikan buku tersebut kepada dua orang gurunya yang sangat dihormati dan disegani, iaitu Hee Swee Khee dan Sham Wardi. Keadaan ini membuktikan bahawa A.Samad Said merupakan seorang yang mengenang jasa guru-guru yang pernah mencerahkan ilmu kepadanya (Awang Abdullah, 2001, p.97-98).

Pada 11 April 1989, A.Samad Said telah mengikuti lawatan ke Paris dari London. Semasa berada di Hotel Picardy, beliau menulis surat kepada anaknya Az dan isteri pertamanya Salmi Manja mengenai sikap manusia di negara tersebut yang terlalu sibuk dengan dunia masing-masing sehingga tidak memerhatikan orang yang berada di sekelilingnya. Beliau juga menekankan bahawa, London merupakan tempat di mana berlangsungnya banyak drama pentas. Bagi beliau, seseorang seniman harus merancang sebaik-baiknya segala karya yang ingin ditulisnya. Beliau menekankan bahawa drama-drama pentas agak popular dalam kalangan masyarakat di sana. Keadaan ini telah pun terbukti apabila beliau ada menyatakan bahawa drama-drama Shakespeare akan dipentaskan setiap bulan. Menurut beliau, penulis-penulis kontemporari British tidak mempunyai sebarang masalah dalam pementasan karya masing-masing. Secara tidak langsung, mesej-mesej ataupun informasi yang cuba dikongsikan oleh beliau telah pun memberikan gambaran kepada pembaca bahawa negara-negara barat tersebut memberikan kerjasama serta menggalakkan sasterawan-sasterawan negara bagi menghasilkan karya-karya yang berguna kepada masyarakat. Sudah pastinya bidang kesusteraan mereka mempunyai keunikian, keaslian dan nilai yang tinggi selaras dengan peranan yang dilangsungkan oleh kerajaan negara tersebut.

Apabila berada di Paris, A.Samad Said juga tidak melepaskan peluang untuk bertemu dengan Catherine Camus dan sempat berminum teh serta berbual dengannya. Catherine Camus ialah anak kepada Albert Camus, iaitu seorang penulis Perancis yang tersohor pada suatu ketika dulu. Beliau juga pernah memenangi Hadiah Nobel bagi karyanya yang menjadi popular dalam kalangan pembaca serta penggemar sastera. Beliau juga menyatakan bahawa beliau berasa gembira di atas pertemuan dengan anaknya kerana bagi beliau ia merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Segala maklumat tersebut telah pun dihantar dari Paris oleh A.Samad Said melalui poskad (Awang Abdullah, 2001, p.104-106).

### **3.7 Pementasan Drama**

Pada tahun 1996, A.Samad Said telah menghasilkan sebuah drama yang bertajuk *Di Mana Bulan Selalu Retak*. Drama ini telah disiapkan olehnya semasa beliau berumur 31 tahun. Drama tersebut telah mendapat sambutan orang ramai apabila pertama kali dipentaskan di Singapura oleh Kumpulan Teater KAMI dan seterusnya dipentaskan di Kuala Lumpur oleh Kumpulan Utusan Melayu. Kemudiannya, beliau menghasilkan drama keduanya yang berbunyi *Lantai T. Pinkie* pada tahun 1997. Antara pelakon yang mengambil bahagian dalam lakonan drama tersebut ialah Hani Mohsin, Ahmad Yatim, Tiara Jacquelina, Marlia Musa dan Erma Fatima. Drama ini boleh dikatakan sebagai drama yang mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan penonton serta pengkritik drama. Walaupun drama tersebut telah dipentaskan oleh sebuah syarikat akhbar yang terkenal di tanah air, iaitu Kumpulan Utusan Melayu, ia tetap mendapat publisitinya disebabkan oleh keunikan dan ketelitian yang tinggi dan bukannya disebabkan oleh pihak yang mementaskannya.

Menurut Johan Jaafar, iaitu Ketua Bahagian Penerbitan Am dari Dewan Bahasa dan Pustaka, drama *Lantai T. Pinkie* merupakan sebuah drama yang penuh dengan unsur-unsur sindiran serta ceritanya berpaut dengan falsafah yang boleh memberikan manfaat kepada penonton. Seterusnya, A. Kadir Jasin, iaitu bekas ketua pengarang Kumpulan Akhbar *New Strait Times* Sdn.Bhd pula menyatakan bahawa dramanya mempunyai mirip penulisan sasterawan Barat yang tersohor, iaitu Shakespeare. Apabila merujuk kepada pendapat Abdul Rahman Napiah ataupun lebih dikenali sebagai Mana Sikana yang menjadi pengarang dan pengkritik sastera Malaysia, drama *Lantai T. Pinkie* ialah sebuah drama yang mempunyai nilai keunggulan yang tinggi dan hebat jika dibandingkan dengan drama-drama yang lain (Awang Abdullah, 2001, p.107-108).

Orang awam terutamanya para penonton pula berpendapat bahawa kekuatan drama *Lantai T. Pinkie* ialah terletak pada penyampaian dialognya yang cukup hebat.

Menurut peminat-peminat drama *Lantai T.Pinkie*, A.Samad Said berjaya mengetengahkan kisah hidup seorang penari joget yang bernama T.Pinkie. Drama ini juga dihasilkan berdasarkan kepada pengalaman-pegalaman yang dikumpulnya serta kreativitinya yang sangat luas. Di sini dapatlah dilihat bahawa motif ataupun misi utama A.Samad Said ialah lebih kepada perkongsian segala nostalgia silamnya serta perjalanan hidupnya yang mampu memberikan gambaran, pengajaran serta teladan kepada generasi muda. Ciri ini juga memberikan nama ataupun label yang unik kepada dirinya jika dibandingkan dengan pengarang-pengarang lain yang hanya berfokus kepada isu-isu kontemporari, iaitu selaras dengan peredaran zaman.

*Wira Bukit* merupakan sebuah lagi drama yang dihasilkan oleh A.Samad Said selepas berehat selama dua puluh tahun. Drama tersebut boleh dikatakan sebagai sebuah drama yang telah memberikan nasib yang baik serta tuah kepada beliau kerana pada tahun yang sama Pak Samad telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara yang keempat, iaitu selepas Keris Mas, Shahnon Ahmad dan Usman Awang. Drama *Wira Bukit* juga memiliki keunikan tersendiri sehingga ia dipilih untuk dipentaskan semasa majlis penganugerahan Anugerah Sasterawan Negara yang telah diadakan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1986. Pementasan drama ciptaan sendiri sempena majlis penganugerahan memberikan suatu kebanggaan kepada dirinya kerana beliau menganggap ia cukup menyukarkan hatinya. Hal ini demikian kerana, segala puji dan kata-kata semangat daripada orang awam sama ada penonton ataupun pembaca, secara tidak langsungnya memberikan kekuatan serta motivasi kepada diri pengarang bagi menghasilkan karya-karya yang lebih bermutu (Awang Abdullah, 2001, p.114-116).

A.Samad Said juga tidak ketinggalan dalam dunia puisi di mana beliau mempunyai bakat yang hebat dalam penghasilan puisi-puisi yang menawan hati mereka yang membaca. Pada tahun 1999 beliau menghasilkan antologi puisi yang berjudul *al-*

*Amin* yang kemudiannya menjadi sebuah antologi puisi Melayu yang terpanjang, iaitu pada abad ke-20. Antologi puisi tersebut dianggap agak teristimewa kerana A.Samad Said ditanggungjawabkan bagi menterjemah riwayat Nabi Muhammad SAW yang sedia ada dalam bentuk prosa kepada bentuk puisi. Ia juga telah dipentaskan dalam bentuk drama bagi memberikan pendedahan serta pengetahuan tentang Rasulullah kepada khalayak. Keadaan ini membuktikan A.Samad Said sebagai sasterawan yang serba boleh dalam semua genre sama ada genre klasik ataupun genre moden. Setiap hasil karyanya mempunyai keunikan yang tersendiri dan ianya hanya boleh dimamah serta difahami oleh sesiapa yang mempunyai semangat, minat dan jiwa sastera yang tinggi.

Selain daripada itu, beliau juga boleh dikatakan sebagai seorang sasterawan yang suka berkongsi segala detik kehidupannya, iaitu detik-detik gembira mahupun sedih kepada khalayak pembaca. Pengalamannya dikongsikan melalui novel, puisi, cerpen, drama dan eseи-esei sastera termasuklah diari dan warkah-warkah yang dikarangnya semasa berada di rantau orang, iaitu dari India dan Eropah. Pengembaraan yang telah dilakukannya ke atas negara-negara tersebut berjaya memberikan ilmu yang dapat digunakan dalam bidang penulisannya bagi memperkasakan serta menghalusi karya-karya yang dihasilkannya. Selaras dengan itu, perkongsian pengalaman beliau mampu memberikan ilmu tambahan kepada sesiapa yang membaca. Hal ini demikian kerana, A.Samad Said merupakan satu-satunya penulis yang menghasilkan karya-karya yang sering berpaut dengan riwayat kehidupannya serta pengalaman hidupnya.

### **3.8 Kesimpulan**

Walaupun A.Samad Said telah meningkat usia tetapi beliau tetap berkhidmat dalam dunia penulisannya. Apabila beliau dijemput ke bengkel-bengkel sastera bagi membimbang pengarang-pengarang muda, beliau tetap menerima jemputan tanpa sebarang alasan. Sehingga kini, ramai masih mengharapkan sebuah karya agung dari

A.Samad Said yang mampu meraihkan *Nobel Prize* kepadanya. Walau bagaimanapun, A.Samad Said telah bersara dan hanya menulis diari-diari bagi mengisi masa lapangnya. Baginya, segala yang dilihat dan segala dialog yang berlangsung dengan individu-individu tertentu haruslah direkod kerana rekod-rekod tersebut akan menjadi bukti serta dapat memberikan manfaat kepada generasi yang akan datang bagi mengembangkan dunia sastera yang sedia ada.

Secara keseluruhannya, bab ini telah mendukung latar belakang pengarang tersohor negara, iaitu A.Samad Said dari segi maklumat peribadi beliau, keluarga, pendidikan, dunia kepengarangan, dunia kewartawanan, penjelajahan hidup, iaitu pengembaraan ke negara-negara asing dan pementasan drama. Bab ini juga telah menekankan bahawa segala karya yang dihasilkan oleh beliau adanya kaitan serta bayangan daripada latar belakangnya, iaitu pengalaman-pengalaman yang dilaluinya memberikan impak yang mendalam sehingga setiap hasil karyanya mendedahkan detik-detik kehidupan beliau. Keadaan ini selaras dengan teori yang digunakan oleh pengkaji, iaitu teori Strukturalisme Genetik di mana teori tersebut menjelaskan bahawa struktur dalaman yang terdapat dalam sesebuah teks sastera secara tidak langsungnya mempunyai kaitan dengan unsur-unsur luaran. Unsur-unsur luaran yang dimaksudkan di sini ialah, latar belakang, sejarah, sosial serta pandangan hidup yang dimiliki oleh si pengarang.

Hal ini demikian kerana, unsur-unsur luaran tersebut mampu melahirkan sebuah karya yang realistik kepada khalayak pembaca. Latar belakang seseorang pengarang memainkan peranan penting dalam menyalurkan sesebuah mesej melalui kata-katanya yang sering bersalut dengan bukti-bukti yang nyata dan konkret. Selain daripada itu, pengarang juga menyelitkan pandangan dunianya dalam karya-karya yang dihasilkan agar mesej tertentu dapat disampaikan kepada khalayak pembaca. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada keberanian, sifat keterbukaan serta ketajaman

pandangan yang dimiliki oleh seseorang pengarang. Dalam hal ini, sudah tentunya A.Samad Said memiliki ciri-ciri tersebut sehingga beliau telahpun digelar sebagai antara sasterawan yang bersifat radikal serta mempunyai sifat mengkritik sesebuah perkara tanpa rasa gementar. Biasanya, beliau menulis berdasarkan pengalaman hidupnya ataupun berdasarkan kepada maklumat yang dikumpul melalui pembacaannya. Oleh hal yang demikian, bolehlah disimpulkan bahawa novel ciptaannya *Sungai Mengalir Lesu* sarat dengan emosi serta semangat perjuangan yang tinggi kerana ianya dihasilkan berdasarkan latar belakang dan pengalaman hidup yang dilalui oleh pengarangnya, iaitu A.Samad Said. Unsur-unsur luaran yang disatukan oleh beliau berjaya menjadikan novel tersebut sebagai sebuah novel yang mendapat perhatian daripada orang ramai dan disanjungi oleh para pembaca.

## BAB 4 : KONFLIK-KONFLIK KELAS DALAM MASYARAKAT

### 4.1. Pengenalan

Novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A.Samad Said merupakan sebuah novel yang mempamerkan zaman pemerintahan Jepun dan penderitaan yang dilalui oleh masyarakat di kota Singapura. Ceritanya berlaku ketika penghujung zaman pendudukan Jepun, iaitu sehingga Jepun kalah di tangan tentera Bersekutu. Di samping itu, pengarang juga berjaya menggambarkan kehidupan sosial watak-watak yang terdapat dalam novelnya melalui beberapa insiden. Walau bagaimanapun, pembaca dapat melihat konflik kelas yang berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut seperti konflik pertentangan golongan muda terhadap kuasa penjajah, konflik antara pihak penjajah dan konflik yang berlaku dalam kalangan penduduk setempat.

### 4.2. Konsep Konflik Kelas

Konflik merupakan salah satu jenis hubungan sosial yang melibatkan dua pihak bagi mencapai kehendak bersama. Biasanya konflik akan berlaku jika satu pihak mendapatkan bahawa pihak yang lain ataupun pihak lawan mengancam kepentingannya dan ia bertentangan dengan nilainya (Sharifah Zaleha Hassan, 1973, p.114). Konsep konflik juga dibincangkan oleh Coser dan Lewis A. seperti berikut:

*“... a struggle over values and claims to scarce status, power and resources in which the aims of the opponents are to neutralize, injure or eliminate their rivals”*

(Coser. Lewis.A, 1956, p.34)

Bermulanya sesebuah konflik apabila berlaku perebutan status, kuasa dan sumber-sumber tertentu antara dua pihak di mana kedua-dua pihak ingin mendapatkan hasil yang sama bagi kepentingan masing-masing. Oleh itu, konflik menjadi perkara biasa yang berlaku di mana jua. Konflik juga berlaku antara kumpulan atau kelas masyarakat

yang berbeza. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin mengkaji konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan kumpulan masyarakat yang menjadi watak dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Kajian ini akan memberikan suatu gambaran jelas bagi mengetahui punca tercetusnya konflik dan cara berlakunya konflik dalam novel yang dikaji.

Konflik merupakan pertentangan secara langsung antara dua individu atau kumpulan bagi mencapai matlamat bersama. Biasanya, dalam sesebuah konflik terdapat pihak yang akan ditewaskan bagi mencapai sesebuah matlamat. Karl Marx merupakan ahli sosiologi yang memperkenalkan teori konflik. Menurut beliau, berlakunya sesebuah konflik berasaskan kepada hubungan ataupun interaksi antara seseorang individu ataupun kumpulan masyarakat. Menurut beliau, konflik ataupun perjuangan kelas bukannya bersifat negatif malah iamampu mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, tumpuan utama yang diberikan oleh Karl Marx dalam tulisannya ialah terhadap pertentangan dalam sistem kapitalis, iaitu pertentangan antara kaum pemimpin dan kaum buruh (Azhar Hj Wahid, 2009, p.158-160). Hasil tulisan tokoh ini juga banyak tertumpu kepada konflik-konflik kelas yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana, beliau merupakan tokoh yang memperkenalkan beberapa konsep dan teori yang berkaitan dengan ‘*sosialisme*’ seperti perusahaan bebas, eksplorasi, mod pengeluaran, pengasingan, jenis-jenis masyarakat, tahap-tahap kemajuan kelas sosial dan konflik kelas.

Karl Marx juga berpendapat bahawa konflik ialah sesuatu yang harus dilihat berdasarkan perspektif kelas. Menurut beliau, konflik kelas boleh dianggap sebagai fenomena yang nyata dan biasanya berlaku dalam kalangan sesebuah kumpulan masyarakat seperti ditegaskan dalam petikan tersebut:

*"The history of all hitherto existing is the history of class struggles. Freeman and slave, patrician and plebian, landlord and serf, guild master and journeyman, in a word, oppressor and oppressed stood in constant opposition to one another, carried on an uninterrupted, now hidden, now open fight, a fight that each time ended, either in a revolutionary reconstitutions of society at large, or in the common rain of the contending classes".*

(Coser & Lewis. A, 1956, p.54)

Petikan di atas menjelaskan bahawa, Karl Marx melihat fenomena kehidupan manusia sebagai sesuatu yang bertentangan antara dua bahagian. Bagi mengukuhkan pendapatnya, beliau mengemukakan beberapa contoh, iaitu menurut beliau adanya golongan tertentu menindas golongan bawahannya seperti golongan tuan tanah sering kali menindas golongan petani. Keadaan ini lazimnya berlaku dalam kalangan masyarakat feudalisme. Selain itu, berlakunya konflik antara golongan pekerja atau lebih dikenali sebagai proletariat dengan golongan pemodal atau borjuis dalam sistem ekonomi kapitalis.

Berdasarkan pendapat beliau, masyarakat primitif tidak terlibat dalam sebarang konflik kerana tiadanya sebarang sistem kelas dalam masyarakat. Tetapi apabila masyarakat bertambah maju, maka wujudnya sistem kelas berdasarkan kepada pengkhususan kerja masing-masing. Keadaan ini turut membawa mereka menuju ke arah pembentukan kelas yang bertentangan kepentingan (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 1995, p.33-34). Jadi, bolehlah disimpulkan bahawa kemajuan sesebuah kumpulan masyarakat sama ada dari segi ekonomi, sosial ataupun politik memainkan peranan penting dalam pertentangan kepentingan. Namun, fokus pengkaji ialah konflik-konflik kelas masyarakat yang telah digambarkan oleh A.Samad Said dalam novelnya *Sungai Mengalir Lesu*.

#### **4.3. Konflik Golongan Muda dengan Penjajah**

Apabila melihat kembali sejarah, Tanah Melayu dan Singapura telah diambil alih oleh tentera Jepun pada 15 Februari 1942. Serangannya bermula pada 7 Disember 1941, iaitu apabila Jepun mula menyerang angkatan laut Amerika di *Pearl Harbour* dan keesokan harinya Jepun menyerang Tanah Melayu dan Singapura. Selepas menang dalam serangan, Jepun telah melancarkan Pemerintahan Tentera di seluruh Tanah Melayu dan Singapura. Jepun telah mendiami di Tanah Melayu dan Singapura bermula pada tahun 1942 hingga 1945. Sepanjang penjajahan, rakyat telah disemarakkan dengan semangat perkauman yang terpendam dalam pelbagai kaum dengan layanan yang berbeza daripada tentera Jepun. Walau bagaimanapun, pihak British berjaya mengalahkan Jepun pada bulan Ogos 1945, dan maka berakhirnya pemerintahan Jepun di seluruh Tanah Melayu dan Singapura yang memakan masa selama tiga tahun setengah (Che Su Mustaffa, Fuziah Shaffie & Mohamad Idris Saleh, 1994, p.72-80).

Pihak Jepun juga membuat rancangan untuk menakluki beberapa negara termasuk Tanah Melayu dan Singapura bagi menubhukan “Lingkungan Sekemakmuran Bersama Asia Timur Raya”. Selepas Singapura telah jatuh ke tangan Jepun, Perdana Menteri British, iaitu Winston Churchill mengatakan bahawa kekalahan Singapura adalah “*the worst disaster and the largest capitulation in British history*”. Selepas memenangi peperangan, Jepun telah menukar nama Singapura kepada *Syonan To* yang bermaksud Matahari Selatan. Kemudiannya, pemerintahan Jepun telah memperkenalkan sebuah kumpulan tentera darat yang dikenali sebagai kumpulan Kempetai dan kumpulan tentera ini sangat digeruni dengan kezaliman mereka (Rosnah Baharuddin, 2000, p.81-82).

Novel *Sungai Mengalir Lesu* merupakan sebuah novel yang telah merakamkan penderitaan dan seksaan yang dialami oleh masyarakat yang berbagai kaum sepanjang pendudukan Jepun di Singapura. Ceritanya bertempat di sebuah kampung yang terletak

di *Victoria Street*, Singapura. Sebelum merdeka, rakyat telah diasingkan dan dipecahkan antara satu sama lain oleh pihak Inggeris berdasarkan kepada bangsa dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, kedatangan Jepun telah memberikan suatu harapan baru dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan kemerdekaan. Sebaliknya, pihak Jepun pula melancarkan pemerintahan yang zalim dan pilih kasih yang mengundang kepada pelbagai konflik terutamanya konflik antara pihak jepun dengan golongan muda. Novel A.Samad Said ini telah menggambarkan situasi konflik tersebut dengan jelas beserta dengan beberapa adegan.

Antara punca yang menyebabkan berlakunya konflik antara pihak penjajahan dengan golongan muda ialah disebabkan oleh kekurangan sumber makanan bagi rakyat jelata. Keadaan ini telah digambarkan dengan penuh jelas oleh A.Samad Said dalam novelnya *Sungai Mengalir Lesu*. Hal ini telah dibuktikan dengan catuan makanan yang dilaksanakan oleh pihak Jepun bagi mengatasi kekurangan barang keperluan harian. Keadaan ini menyebabkan rakyat terpaksa bergantung kepada hasil tanaman seperti ubi kayu, jagung, buah-buahan dan ada yang terpaksa memakan makanan buangan yang busuk dan basi. Malah, makanan hanya disediakan bagi kaisha-kaisha Jepun, iaitu tentera Jepun (Mardiana Nordin & Hasnah Hussin, 2011, p.48-53). Petikan di bawah merupakan situasi yang telah digambarkan oleh pengarang bagi memerihalkan kesukaran masyarakat untuk mendapatkan bahan makanan iaitu sekumpulan masyarakat yang tinggal di sebuah kampung yang di tepi sungai:

“Keadaan makanan sebenarnya sudah terlalu buruk. Beras sudah lama tidak mereka jumpai, dan khabarnya beras cuma disimpan untuk makanan sojar-sojar Jepun saja. Ubi kayu juga sudah berlipat kali ganda mahalnya. Anak-anak sudah mula mengejar apa saja makanan busuk yang boleh dimamah dalam sungai yang sentiasa mengalir lesu”.

(A.Samad Said, 2005, p.18-19)

“Di antara lecak lumpur, di celah-celah rangka tongkang dan golekan balak, mereka menjengah mencari-cari kalau-kalau ada ayam atau itik yang mati, kalau-kalau ada kulit nanas atau ubi yang tersadai. Mata mereka selalu ke tengah sungai

memerhatikan setiap sampah-sarap yang mengalir lesu, mengharapkan juga kalau-kalau di tengah-tengah sampah sarap itu ada makanan-makanan busuk yang masih boleh dimakan”.

(A.Samad Said, 2005, p.19)

Petikan di atas memberikan gambaran kepada para pembaca tentang penderitaan masyarakat Kampung Tepi Sungai untuk mendapatkan makanan. Keadaan ini juga membuktikan bahawa betapa tamaknya sojar-sojar Jepun yang hanya mementingkan diri sendiri dengan menyimpan makanan dalam gudang sedangkan rakyat mati kebuluran. Oleh hal yang demikian, sekumpulan golongan muda yang tinggal di kampung tersebut sanggup membuat perancangan untuk mencuri makanan yang disimpan dalam gudang dengan membuat jalan di bawah tanah. Antara watak yang terlibat dalam rancangan ini ialah Ariappan, Mukmin, Choo Keng, Munusamy dan Basir.

Manakala petikan kedua pula menggambarkan suatu situasi di mana sekumpulan kanak-kanak, iaitu Dalim, Aman, Baharum, Simah, Sakinah, Menon, Ah Lan dan Sai Yong yang menetap di kampung Tepi Sungai, berlumba-lumba untuk mendapatkan apa sahaja makanan yang terapung dalam sungai yang boleh dimakan. Keadaan ini amat memilukan hati para pembaca kerana kelaparan dan kebuluran masyarakat terutamanya kanak-kanak boleh dirasai dengan jelas. Hal ini menjadi punca utama berlakunya konflik antara rakyat, iaitu mereka yang terdiri daripada golongan muda dan pihak penjajah, iaitu pihak Jepun. Situasi ini juga membuktikan bahawa penderitaan dan seksaan bukan sahaja dialami oleh golongan remaja atau golongan tua malah kanak-kanak turut menjadi mangsa keadaan.

Rancangan curi makanan oleh remaja-remaja Kampung Tepi Sungai telah digambarkan seperti berikut. A.Samad Said telah memerihalkan rancangan tersebut dengan penuh jelas dalam novelnya.

“Malam yang dirancangkan itu malam bergerak sendiri-sendiri, sesudah mengenal tugas masing-masing. Basir yang memberikan penerangan dan mengatur rancangan memberitahu bahawa tempat yang dilubangkan dan sudah pun ditutup dengan zink buruk dan kayu-kayu basah itu betul-betul mengarah ke bilik simpanan makanan. Dia sendiri mendapat maklumat ini dari Sukon yang dilepaskannya masuk empat malam sebelum itu. Tugas masuk ke dalam terserah kepada Ariappan dan Mukmin yang agak kurus badannya. Choo Keng dan Ariff masing-masing menanti di luar, bersedia untuk menarik sebarang makanan ataupun alat-alatan lain bila dihulurkan. Munusamy sengaja disuruh membenamkan dirinya dalam sungai dengan bakul dawai yang sudah sedia di kakinya. Basir memberitahu semua barang-barang tin perlu dimasukkan ke dalam bakul tersebut supaya kalau berlaku apa-apa mereka dapat segera meninggalkannya dan tahu untuk mengambilnya semula nanti”.

(A.Samad Said, 2005, p.136)

Hal ini telah membuktikan keberanian golongan remaja yang menetap di kampung tersebut terutamanya keberanian Basir yang mengetuai rancangan tersebut dan menjelaskan tugas-tugas yang harus dilakukan oleh kawan-kawannya. Walau bagaimanapun, konflik ini telah bertukar menjadi suatu tragedi yang amat serius apabila berlakunya kematian ke atas remaja-remaja yang terlibat dalam rancangan curi makanan dari gudang makanan tentera Jepun. Mereka yang terlibat telah dikesan oleh tentera Jepun dan telah dibunuh tanpa belas kasihan. Keadaan tersebut sudah pastinya menyentuh perasaan dan menyakitkan hati para pembaca kerana situasinya digambarkan dengan penuh rasa pilu oleh pengarangnya. Petikan seterusnya menggambarkan kegagalan rancangan mencuri makanan yang telah memakan nyawa lima orang remaja dari Kampung Tepi Sungai.

“Apabila lima minit lagi Ariappan dan Mukmin tidak keluar, Munusamy menjadi gelisah lalu lari dalam lecak-lecak lumpur itu, terlupa bahawa mereka sudah pun berjanji untuk berjalan sehati-hati kerana setiap langkah yang silap bererti nahas. Belum sempat Basir memberi amaran kepada kawannya yang masih juga bersinglet hijau-merah-biru itu, Munusamy sudah pun tergelincir.....Di saat itulah siren darurat berbunyi dan lampu suluh putih cepat-cepat menerpa ke arah Munusamy. Tembakan dari atas bertalu-talu mengenai Munusamy yang menggelepar di dalam air kemudian terbisu kaku ditelan sungai dengan darah yang membuaik, menampakkan juga perbezaan air hitam di malam hari itu dengan darah manusia yang terkejut-kejut keluar....”

(A.Samad Said, 2005, p.139-140)

Petikan di atas telah menggambarkan bagaimanakah tentera Jepun melakukan serangan ke atas remaja-remaja yang terlibat dalam rancangan curi makanan. Mereka ditembak dengan melepaskan peluru daripada *machine-gun* tanpa disiasat ataupun disoal. Apabila mengimbas kembali niat golongan muda tersebut, mereka sanggup bertarung nyawa untuk mencuri makanan-makanan yang disimpan dalam gudang bagi membantu penduduk kampung yang merana dalam kelaparan terutamanya kanak-kanak dan golongan wanita. Dalam konflik ini, mereka telah dibunuhi dengan kejam oleh sojar-sojar Jepun walaupun niat mereka adalah hanya untuk membantu masyarakat yang sedang menderita.

Apabila kita melihat konflik yang seterusnya, ia merupakan konflik yang berlaku antara dua orang remaja yang bernama Mulyadi dan Irwan dengan pihak Jepun. Mereka dibawa oleh tentera Jepun bagi membuat Jalan kereta api di sempadan Burma dan Thailand. Ia juga lebih dikenali sebagai *The Death Railway*. Mulyadi merupakan seorang pemuda yang berjuang dan menderita di Kampung Tepi Sungai bersama rakannya Irwan. Isteri dan anak perempuannya Yati lama ditinggalkan di Semarang. Mulyadi juga merupakan seorang yang berpenyakit, iaitu lututnya bertokak dan hidungnya bergaret serta berkudis. Manakala latar belakang Irwan tidak begitu dijelaskan oleh pengarang dalam ceritanya. Kedua-dua kawan ini tinggal secara nomad dan bersiap sedia untuk menyerang tentera Jepun yang tidak berhati perut. Walau

bagaimanapun, Irwan dianggap sebagai suatu watak yang agak penting kerana dia telah memainkan peranan penting dalam pembunuhan salah seorang sojar Jepun yang bernama Katayama.

Katayama merupakan antara sojar Jepun yang amat zalim dan digambarkan sebagai seorang yang kuat nafsu serta dilabelkan sebagai kaki perempuan. Setiap tempat yang Katayama pergi bagi urusan pemerintahan mahupun peperangan pasti mencari perempuan bagi melayan nafsunya. Contohnya dia sendiri pernah berkata dalam ceritanya bahawa dia pernah memikat gadis-gadis idamannya di Songkhla, Patani, Kota Bharu dan kini di Singapura. Biasanya dia memberikan makanan kepada gadis-gadis yang dipikatnya untuk mendapatkan layanan daripada mereka sebagai balasan.

Dalam cerita ini, Katayama berjaya dibunuh oleh Irwan apabila sojar Jepun tersebut menunggu untuk kedatangan si Salimah bagi melayan nafsunya. Salimah merupakan anak kepada Econ yang mempunyai hubungan sulit dengan salah seorang sojar Jepun, iaitu Katayama yang membalaunya dengan memberikan makanan yang diperlukan. Penderitaan yang dilalui semasa zaman penjajahan ini menyebabkan anak-anak gadis sanggup menggadaikan maruah bagi mengalas perut mereka serta keluarga mereka. Petikan pertama di bawah menunjukkan persediaan Katayama bagi menjumpai Salimah dan petikan seterusnya pula menceritakan bagaimanakah Katayama telah dibunuh oleh Irwan, iaitu pembunuhan dia dianggap sebagai suatu pembunuhan yang penuh misteri.

“Katayama menanti di amben di sebalik lori buruk itu dengan gelisah. Bungkusan yang dibawanya dipegang-pegangnya beberapa kali, dan kemudian dia cuba mencium bau badannya sendiri. Dia terlupa hendak memakai minyak wangi kepunyaan Yoshihide, tetapi dia sudah menyentral badannya dengan sabun lebih dua kali sewaktu mandi tadi. Mustahillah Salimah tidak datang, bisiknya di dalam hati. Dua tiga hari dulu tidak ada apa-apa benar yang kuberikan, fikirnya lagi. Barang-barang makananya tentulah sudah habis. Dia perlu bantuan baru”.

(A.Samad Said, 2005, p.103)

“....Irwan teringat cangkul di tangan, mengayunnya sekutu hati ke kepala Katayama yang tergelincir jatuh sewaktu Irwan mengelak. Katayama menggelepar sewaktu Irwan mencekiknya, ingin menutup mulutnya supaya sojar tersebut tidak memekik. Bila Katayama tidak bergerak, Irwan menariknya perlahan-lahan menghampiri jambatan dengan maksud ingin menggelungsurkan mayat tersebut ke dalam sungai”.

(A.Samad Said, 2005, p.147-148)

Petikan pertama membuktikan bahawa tentera Jepun menggunakan isu kebuluran dan kemiskinan rakyat untuk kepentingan mereka terutamanya memancing golongan perempuan bagi memenuhi kehendak mereka. Anak-anak gadis di kampung tersebut pula melayan sojar-sojar Jepun atas dasar paksaan, iaitu terpaksa menurut perintah bagi menampung kehidupan harian. Situasi ini amat menyedihkan dan menyayat hati. Keadaan ini juga menjadi salah satu punca kemunculan konflik, iaitu konflik antara pihak penjajah dengan golongan muda yang menetap di kampung tersebut. Perkara ini turut mengundang kepada kematian seorang sojar Jepun yang bernama Katayama dan pembunuhan ini telah dilakukan oleh salah seorang penduduk Kampung Tepi Sungai, iaitu Irwan. Cara pembunuhaninya menggambarkan kebencian dan kemarahan yang terpendam dalam hati golongan yang sedang dijajah dengan kejam oleh tentera Jepun. Walau bagaimanapun, punca kematian Katayama dan pembunuhanya menjadi persoalan yang besar dalam kalangan tentera Jepun sehingga mereka tidak dapat mengenal pasti sebab kematianya serta pembunuhanya.

Walaupun Katayama dikatakan sebagai seorang sojar yang zalim dan kaki perempuan, tetapi sikap yang baik terserlah dalam ceritanya pada suatu adegan di mana Katayama sanggup memberikan makanan dalam tin seperti sayur, ikan dan beras kepada kanak-kanak yang selalu bermain di sungai yang terletak berdekatan dengan gudang makanan tentera Jepun. Kanak-kanak dari Kampung Tepi Sungai itu, hanya sanggup bermain di sungai tersebut apabila tibanya giliran Katayama untuk menjaga gudang makanan. Namun, Katayama telah dibunuh disebabkan oleh sikap yang terlalu

mementingkan nafsu sehingga mendapatkan layanan daripada gadis-gadis yang disukainya dengan menggunakan bahan makanan sebagai ganjaran. Petikan berikut menggambarkan sikap baik Katayama iaitu sikap murah hati yang cuba ditonjolkan oleh pengarang dalam salah satu babak cerita.

“Memang kanak-kanak selalu ke sana, menyanyi dan menari di atas lumpur ataupun rangka tongkang, menarik perhatian sojar yang mengawal dari menara kayu yang agak tinggi. Kanak-kanak ini hanya berani kalau giliran Katayama yang menjaganya. Dari Katayama masih adasenyum riang dan mengerti; darinya juga selalu ada rezeki; dia akan melontarkan dan sayur dalam tin; malah kadang-kadang dia melontar juga kampit kecil berisi beras. Di saat-saat itu setiap kanak-kanak akan berebut-rebut sesungguh hati- ada yang terpersuk dalam lumpur, ada yang terhantuk luka pada tungkul-tungkul yang memang banyak bercerakan pada rangka-rangka tongkang itu, dan ada pula bertarik bergigit untuk mendapatkan bahagiannya. Pengalaman memilukan seperti itu menyebabkan Katayama sendiri berhati-hati selepas itu, melontarkan makanan hanya bila ada dua tiga orang kanak-kanak saja...”

(A.Samad Said, 2005, p.19-20)

Konflik seterusnya didukung oleh watak yang bernama Giap Hong. Giap Hong merupakan seorang pemuda Cina yang beristeri dan mempunyai seorang anak lelaki yang masih lagi kecil. Malangnya, isterinya Ling Po diserang demam Malaria yang menyebabkan dia sering jatuh sakit dan lemah. Dalam ceritanya, Giap Hong digambarkan sebagai seorang yang menyimpan dendam terhadap pihak penjajah, iaitu pihak Jepun. Hal ini kerana, bapanya yang diserang demam Malaria dan penyakit biri-biri telah ditembak mati oleh sojar Jepun apabila bapanya berlari melepasi kawalan yang berkawat duri di sepanjang *Syed Alwi Road*, iaitu tempat orang Cina berkumpul dengan beramai-ramai. Insiden tersebut tidak dapat diterima oleh Giap Hong yang terlalu tertekan dan terkilan dengan kehilangan ayahnya dan turut kehilangan ibunya selepas seminggu mendengar cerita suaminya dibunuhi di jambatan oleh sojar Jepun. Manakala, Giap Hong pula telah ditahan oleh tentera Jepun dan telah pun dibebaskan

selepas sebulan. Berikut merupakan antara situasi yang menjadi bukti bagi kesedihan yang dirasai oleh Giap Hong disebabkan oleh kehilangan kedua-dua ibu dan bapanya.

“Giap Hong menarik nafas panjang, penuh dengan dendam di dalam dada. “Aku ditahan satu bulan. Bila aku keluar, aku pulang ke rumah, emak aku sudah tidak ada. Jiran katakan dia mati seminggu selepas mendengar cerita bapaku terbunuh di jambatan itu”. Giap Hong tiba-tiba mengetep bibirnya kuat-kuat, memejamkan matanya, merasakan air mata yang mendedak-desak, teresak, kemudian menangis sekutu-kuatnya seperti anak-anak kecil”.

(A.Samad Said, 2005, p.98)

“Kau nak lepaskan maut tidak berbalas?” dia terdengar Giap Hong berulang tanya. “Aku cuma mengingatkan. Baiklah kau ingin membala dendam, tapi belum tentu kau akan jumpa orangnya. Belum tentu kau dapat bunuh dia. Entah-entah dia yang membunuh kau. Siapa yang rugi?” Kam Seng cuba berhujah”. “Tak jumpa orangnya tak apa. Asal dia Jepun saja.”kata Giap Hong”.

(A.Samad Said, 2005, p.42)

Petikan di atas menggambarkan betapa sedihnya Giap Hong yang kehilangan keluarga tersayang sehingga menunggu masanya untuk membala dendam terhadap pihak Jepun yang menjadi punca bagi kehilangan kebahagiaannya. Petikan seterusnya pula membuktikan kemarahan Giap Hong yang sentiasa bersedia membunuh sojar Jepun. Hal ini terserlah dalam perbualannya dengan Kam Seng yang menyatakan bahawa dia akan berpuas hati jika membunuh sojar-sojar Jepun walaupun tidak dapat mengenal pasti sojar Jepun yang telah membunuh ayahnya suatu ketika dulu. Walau bagaimanapun, konflik antara Giap Hong dengan pihak Jepun tidak ke tahap serius kerana akhirnya Giap Hong telah sedar bahawa anak dan isterinya bergantung kepada dirinya seorang.

Konflik ini juga telah sampai ke penghujung apabila pihak Jepun telah pun kalah dalam peperangan dan tewas kepada pihak British. Mereka telah diarahkan menuju ke Changi dalam perbarisan mengikut jalan raya *Victoria Street*. Hari tersebut telah

disambut seperti perayaan kerana rakyat percaya bahawa mereka telah pun bebas daripada cengkaman penjajahan kuku besi yang diamalkan oleh pihak Jepun selama ini. Mereka juga sedar bahawa mereka masih lagi berada di bawah naungan penjajah, iaitu di bawah jajahan pihak British, tetapi ia tidak memberikan impak yang mendalam jika dibandingkan dengan jajahan negara matahari terbit tersebut. Petikan di bawah menggambarkan kepulangan sojar-sojar Jepun selepas kalah dalam perang dan reaksi rakyat jelata di Singapura terhadap kekalahan pihak Jepun.

“Barisan sojar Jepun yang berjalan mengarah ke Changi mengingatkan Giap Hong kepada peristiwa sewaktu orang-orang tawanan British dikerah berjalan ke tempat tahanan dahulu. Inilah balasannya, fikir Giap Hong, sekali menang, sekali kalah; sekali menahan orang, sekali ditahan pula. Barisan orang tawanan Jepun ini lebih panjang dari orang-orang tawanan British dahulu. Orang-orang tawanan kali ini tidak berjalan di tepi sungai; mereka berjalan mengikuti jalan raya *Victoria Street* di hadapan sekolah. Di kiri kanan jalan orang ramai bersorak dan mengejek, malah ada kalanya menumbuk dan menghenyek orang-orang tawanan yang berjalan tidak bermaya itu”.

(A.Samad Said, 2005, p.162)

Petikan di bawah pula, menggambarkan bagaimana Giap Hong meredakan kemarahannya dan rasa dendamnya terhadap pihak Jepun. Pengarang mengukuhkan rasa dendam watak Giap Hong melalui beberapa situasi. Contohnya, Giap Hong sentiasa mengasah besi mengumpil balak dan pencangkuk guni beras bagi membunuh sojar-sojar Jepun di gudang makanan. Namun, rancangannya terbatal apabila ada sojar-sojar yang telah pun dibunuh oleh orang lain. Selain itu, dia juga menyimpan senjata yang diasah bersamanya dengan tujuan menyerang barisan tawanan Jepun apabila mereka mengarah ke Changi. Walau bagaimanapun, pergerakannya telah dihalang oleh isterinya Ling Po dengan menyatakan tindakan suaminya akan mendatangkan musibah yang lebih merbahaya. Keadaan ini memberi kesedaran kepada Giap Hong bahawa, dia harus melupakan rasa dendamnya bagi menjamin kehidupan yang aman dengan isteri dan anak tersayang.

“Pagi itu dia cuma mengeluarkan besi mengumpil balak dan pencangkuk guni beras yang sengaja diasahnya saban minggu. Dia ingin juga menyelitkannya di pinggang, berkira-kira hendak menggunakan kalaular tiba-tiba barisan tawanan yang berjalan itu bertempiaran diserbu oleh orang ramai yang memangnya mendendam orang-orang Jepun itu. “Buat apalah dibawa itu semua,” Ling Po menasihatkan. “Kita kan dah lepas dari bahaya, buat apalah dicari bahaya lagi?” Giap Hong meletakkan semula pencangkuk guni beras, menarik nafas panjang-panjang, sebelum meninggalkan senjatanya itu”.

(A.Samad Said, 2005, p.163)

Petikan seterusnya turut menggambarkan bisikan hati Giap Hong yang meminta maaf kepada ayahnya kerana tidak dapat membala dendam terhadap tentera Jepun yang menjadi punca kepada kematian ayahnya. Hal ini demikan kerana, dia berasa bahawa tindakan menyerang orang yang lesu dan tidak bermaya merupakan suatu perkara yang agak bodoh dan ia tidak akan memberikan sebarang impak. Justeru, Giap Hong telah mengambil keputusan bahawa biar mereka dihukum oleh pihak lawannya, iaitu pihak British.

“Bila melihatkan orang-orang tawanan yang dilontar, diejek dan diseret serta ditumbuk terajang oleh orang ramai itu, hati Giap Hong yang mulanya penuh dendam, mencair lembut. Memang benar di satu ketika dia bersedia hendak menghentak orang Jepun dengan pengumpil besi ataupun pencangkuk guni berasnya, tetapi keadaannya bukanlah seperti itu. Dia muh berhadapan dengan orang yang boleh melawan, bisik hatinya. Giap Hong melihatkan sojar-sojar Jepun yang letih lesu berjalan itu beberapa ketika, sebelum berpaling berjalan mengarah ke sungai. “Maafkan aku, bapa”, katanya, membayangkan wajah bapanya yang sedang lari, ditembak, kemudian jatuh ke dalam sungai itu. “Maafkan aku kerana tak menuntut bela” katanya”.

(A.Samad Said, 2005, p.163-164)

Konflik ini membantu para pembaca bagi mengimbas kembali zaman pendudukan Jepun yang mengamalkan pemerintahan yang kejam terhadap rakyat di Tanah Melayu mahupun di Singapura. Keadaan tersebut membuktikan bahawa Jepun merupakan antara kuasa asing yang mendiskriminasikan masyarakat Cina sepanjang penjajahannya.

Ada sumber yang membuktikan cara layanan yang diberikan kepada masyarakat Cina adalah lebih teruk jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu dan India. Masyarakat Cina dikatakan antara komuniti yang paling dibenci oleh pihak Jepun. Hal ini demikian kerana, negara Cina menjadi musuh bagi negara Jepun pada awal tahun 1937. Keadaan ini menjadi punca utama bagi kebencian pihak Jepun terhadap orang Cina di seluruh dunia. Sebagai balasannya, orang-orang Cina telah diseksa, dirogol dan diberi layanan teruk oleh tentera Jepun di Tanah Melayu dan di Singapura. Sekolah-sekolah Cina diarahkan ditutup dan penggunaan bahasa Cina pula telah diharamkan dalam kalangan masyarakat(Mardiana Nordin & Hasnah Hussin, 2011, p.50).

Selain daripada itu, kekejaman tentera Jepun juga telah terbukti apabila orang-orang Cina telah dibunuh dan dilabelkan sebagai anti-Jepun. Biasanya, mereka akan pancung kepala orang-orang Cina yang dianggap sebagai golongan yang menentang tentera Jepun dan ada juga yang dianggap sebagai golongan yang menyokong gerakan Komunis. Kemuadiannya, kepala-kepala yang dipancung akan dipamerkan di negeri tertentu terutamanya di kawasan-kawasan utama bagi tatapan rakyat awam. Di Singapura pula, kepala-kepala yang dipancung akan dipamerkan berdekatan jambatan yang terletak merentasi sungai Singapura agar rakyat takut dan setia akan pemerintahan Jepun (Ho Hui Ling, 2009, p.112). Pengarang novel *Sungai Mengalir Lesu*, iaitu A.Samad Said pula menggambarkan keadaan ini dengan jelas dalam jalan ceritanya agar dapat memberikan suatu gambaran terhadap kekejaman tentera Jepun terhadap rakyat jelata. Bentuk penceritaan serta situasi-situasi yang dikemukakan oleh beliau membantu pembaca agar dapat merasai dan turut mengikuti kehidupan zaman jajahan secara tidak langsung. Petikan di bawah merupakan salah satu contoh situasi di mana rakyat dihukum pancung oleh tentera Jepun dan kepala-kepala yang dipancung juga telah dipamerkan sepanjang jalan bagi menakutkan orang awam.

“Mereka bersusah payah berjalan di antara orang ramai yang nampaknya sama juga ingin melihat dan melepas Jambatan Kallang. Sebelum sampai ke rintangan kawat berduri tempat lima enam orang sojar Jepun berdiri dengan bengis bersenapang berbayonet, Basir sudah pun ternampak ramai kepala yang mendongak ke dua batang tiang lampu. Dari jaraknya, lebih-lebih lagi kerana ditolak-tolak, dia masih tidak dapat menentukan apa yang tergantung pada tiang tersebut. Yang dapat ditentukan cuma sebuah papan di bawah benda yang tergantung-gantung. “Kenapa orang tengok situ” tanya Munusamy. “Entah,” jawab Basir, cuba menyiku-nyiku untuk sampai ke barisan orang yang berhampiran dengan rintangan dawai berduri. “Bola agaknya?” tanya Munusamy. “Bukan,” jawab seorang tua yang sedang menyiku-nyiku untuk berundur dari situ. “Bukan bola. Kepala orang dipancung Jepun”, tambahnya…”.

(A.Samad Said, 2005, p.80)

#### **4.4. Konflik antara Pihak Penjajah**

A.Samad Said turut memaparkan konflik-konflik yang berlaku antara dua kuasa asing, iaitu pihak Jepun dan pihak British melalui novel pilihan pengkaji, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu*. Konflik-konflik tersebut terserlah dalam beberapa situasi di mana pembaca dapat memahami permusuhan yang berlaku antara kedua-dua kuasa jajahan tersebut. Cerita novel ini berpusatkan kepada zaman pendudukan Jepun terutamanya penghujung pendudukan Jepun di Singapura. Terdapat beberapa babak cerita yang menyuluh kekejaman pihak Jepun dalam proses pembersihan sojar-sojar British yang terdapat di Tanah Melayu dan Singapura. Selain daripada itu, ledakan bom yang sentiasa menghias keseluruhan jalan cerita tersebut mengukuhkan lagi konflik yang berlaku antara kuasa asing yang ingin menjadikan tanah Singapura sebagai tanah jajahan mereka.

Petikan di bawah membuktikan bagaimanakah tawanan-tawanan British dibunuhi dengan kejam oleh sojar-sojar Jepun tanpa sebarang siasatan. Situasi tersebut menggambarkan pembunuhan yang berlaku ke atas seorang tawanan Orang Putih yang ingin mendapatkan dua buah bungkusan yang tercicir dalam sungai. Apabila dia ingin

mendapatkan bungkusannya yang hanyut dalam sungai tanpa mempedulikan arahan sojar-sojar Jepun, maka dia ditembak mati tanpa belas kasihan. Keadaan ini juga menimbulkan huru-hara dalam kalangan tawanan British yang lain. Namun, sojar-sojar Jepun yang bertugas di tempat tersebut dapat mengawal keadaan dengan melepaskan beberapa das tembakan ke udara.

“Ketika dalam renangan baliknya itulah mereka ternampak seorang tawanan Orang Putih berlari lesu di tepi sungai itu menunjuk-nunjuk ke arah mereka. Orang tawanan itu berteriak, dan tidak mempedulikan rakan-rakannya yang lain sudah mula berbaris semula untuk melanjutkan perjalanan Sojar Jepun yang nampak tawanan berlari itu meneriak suruh berhenti, tetapi orang tawanan cuba cepat-cepat turun ke anak tangga sungai itu. Peluru meledak, orang tawanan yang kurus panjang berkepala separuh botak itu tersungkur ke dalam air. Tawanan-tawanan lainnya riuh dan mula hendak berselerak, tetapi beberapa tembakan ke udara dari sojar-sojar Jepun yang mengawal mereka mengamankan mereka semula”.

(A.Samad Said, 2005, p.48)

Situasi tersebut juga menunjukkan bagaimanakah tawanan-tawanan Bristih telah dikurung, diseksa dan dipaksa untuk menurut perintah. Tentera Jepun sentiasa bersedia dengan senjata bagi membunuh sesiapa sahaja yang menentang dan tidak akur kepada arahan yang diberikan. Mereka juga berjaya menyemai rasa ketakutan dalam diri setiap tawanan bagi menjalankan pemerintahannya dengan lancar. Apabila mengimbas kembali situasi yang diceritakan tadi, dua buah bungkusan yang gagal dicapai oleh tawanan Orang Putih tersebut berjaya didapati oleh Irwan dan Mulyadi yang telah pun memerhatikan tragedi tersebut.

Konflik juga tercetus antara kedua-dua pihak penjajah apabila tentera British ingin merampas semula Tanah Melayu dan Singapura daripada pihak Jepun. Antara langkah yang diambil oleh pihak British ialah serangan bom ke atas dua buah bandar yang terletak di negara Jepun, iaitu Hiroshima dan Nagasaki. Pada tahun 1945, tentera British telah mendesak pihak Jepun bagi meyerah diri tetapi pihak Jepun pula enggan berbuat demikan. Keadaan ini menyebabkan pihak British membuat keputusan untuk

melancarkan serangan bom atom di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 dan di Nagasaki pula pada 9 Ogos 1945. Akhirnya, pihak Jepun telah menyerah diri kepada tentera Bersekutu di Singapura pada 15 Ogos 1945 (Ramlah Adam, Abdul Hakim Samuri & Muslimin Fadzil, 2004, p.27).

Terdapat beberapa situasi cerita yang menunjukkan kemenangan pihak British dan diikuti dengan kekalahan pihak Jepun, iaitu salah satu situasi di mana sojar-sojar Jepun menyerah diri kepada tentera British di Singapura. Sojar-sojar Jepun yang kalah diarahkan berjalan mengarah ke Changi mengikut jalan raya *Victoria Street* yang terletak di hadapan sekolah. Petikan di bawah dapat memberikan gambaran tentang kebencian yang terpendam dalam diri rakyat terhadap tentera Jepun. Hal ini kerana, orang ramai bersorak serta mengejek tawanan-tawanan Jepun yang sedang berjalan. Mereka juga menunjukkan kemarahan dengan meragut barang-barang yang dibawa oleh sojar-sojar Jepun, melontar batu ke atas mereka, menumbuk dan menghenyak tawanan-tawanan yang tidak bermaya tersebut. Situasi tersebut dikisahkan dengan penuh jelas dalam petikan berikut.

“...orang-orang tawanan kali ini tidak berjalan di tepi sungai; mereka berjalan mengikut jalan raya *Victoria Street* di hadapan sekolah. Di kiri kanan jalan orang ramai bersorak dan mengejek, malah ada yang melontar batu, meragut barang, dan ada kalanya menumbuk dan menghenyak orang-orang tawanan yang berjalan tidak bermaya itu”.

(A.Samad Said, 2005, 162)

Kedua-dua petikan di bawah pula, menggambarkan keadaan yang berlaku selepas kekalahan tentera Jepun di mana ketibaan pihak British telah menggembirakan rakyat jelata. Mereka bersorak dengan gembira apabila melihat bendera Amerika-British-Rusia-China berkibar dari setiap tingkap. Mengikut cerita novel *Sungai Mengalir Lesu*, sojar-sojar British dan India dikatakan datang dari Tanjung Pagar atau Pasir Panjang. Situasi ini juga membuktikan bahawa, betapa kejamnya pihak Jepun sehingga rakyat sanggup melompat gembira apabila tentera Jepun kalah dalam

peperangan sedangkan mereka sedar bahawa negara tersebut masih dalam cengkaman penjajah, iaitu di bawah kawalan tentera British.

“Di tengah jalan mulailah riuh-rendah. Sojar India dan British yang berselang-seli di atas kereta kebal dan lori melambai-lambaikan tangan sambil gelak ketawa, melontarkan coklat dan biskut yang direbut oleh orang ramai yang bersorak di sepanjang-pantjang jalan. Pagi itu amat cerah, seolah-olah pagi sendiri ikut gembira melihatkan perang yang sudah terkulai patah itu”.

(A.Samad Said, 2005, p.161)

“Seminggu selepas itu beberapa orang di kampung tersebut melonjak-lonjak kesukaan kerana mendengar khabar Jepun sudah kalah. Mereka pergi berbaris menantikan sojar British dan India yang katanya akan datang dari Tanjung Pagar ataupun Pasir Panjang. Sepanjang-pantjang jalan di *Victoria Street*, memanjang ke *Levender Street* dan berlangsung ke Geylang penuh sesak dengan manusia yang bersorak-sorak melihatkan bendera-bendera Amerika-British-Rusia-China berkibar-kibar dari setiap tingkap yang ada. Itulah kali pertama wajah-wajah yang dijumpai penuh dengan senyum dan gelak ketawa”.

(A.Samad Said, 2005, p.160)

#### **4.5. Konflik antara Penduduk Setempat**

Selain konflik-konflik yang berlaku antara golongan muda dengan pihak penjajah, antara kuasa-kuasa asing, iaitu Jepun dan British, novel *Sungai Mengalir Lesu* juga mengisahkan konflik yang berlaku dalam kalangan penduduk setempat, iaitu penduduk yang tinggal di Kampung Tepi Sungai, Singapura. Konflik ini menggambarkan situasi kehidupan rakyat yang hidup semasa zaman peperangan. Selain daripada itu, jenis konflik ini juga memainkan peranan penting dalam memberikan suatu pengajaran kepada para pembaca bagi menjadikan setiap detik cerita yang disampaikan oleh pengarangnya, iaitu A.Samad Said sebagai pedoman dalam hidup.

Sehubungan dengan itu, penduduk kampung tersebut berhadapan dengan pelbagai jenis konflik. Namun, konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan wanita yang tinggal di kampung Tepi Sungai menjadi masalah yang harus difokus. Walaupun mereka digelar sebagai rakyat yang masih berada di bawah kawalan penjajah, tetapi perselisihan faham dan pertentangan pendapat tetap menular dalam kalangan

masyarakat dan menjadi punca bagi kewujudan konflik antara satu sama lain. Salah satu masalah yang telah pun diceritakan oleh pengarang dalam novelnya ialah konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan wanita serta nasib malang mereka.

Antara watak wanita yang menjadi mangsa keadaan ialah watak Zainab. Zainab dikatakan seorang gadis muda yang berusia 17 tahun yang telah pun dikahwin paksa dengan seorang lelaki tua yang bernama Sayeed Ayuub. Zainab digambarkan sebagai seorang watak yang menyimpan segala kesengsaraannya dalam hati dan setiap kali bergelut dengan koflik yang berlaku dalam dirinya secara tidak langsung. Setiap hari, Zainab dikatakan ditumpangkan di rumah kawan baik Sayeed Ayuub pada waktu siang manakala pada waktu malam pula dia akan dikurung dalam sebuah bilik yang dikunci. Pendek kata, dia hanya digunakan sebagai bahan pemusuhan oleh Si Sayeed Ayub.

Cerita mengenai watak Zainab membuktikan bahawa anak-anak gadis pada zaman peperangan menjadi mangsa kepada kes kahwin paksa terutamanya berkahwin dengan lelaki-lelaki tua bagi menampung keluarga. Petikan berikut merupakan antara bukti yang dikemukakan oleh si pengarang dalam ceritanya di mana ramai gadis Melayu yang masih muda telah pun dipaksa kahwin dengan lelaki-lelaki India bagi mendapatkan makanan serta menyara kehidupan yang miskin. Ia merupakan suatu perkara yang memilukan hati dan ia juga menjadi pendorong bagi menimbulkan konflik-konflik yang serius dalam diri golongan wanita yang pasif dan akur kepada segala perintah.

“....memang di waktu itu pun sudah ramai anak-anak dara Melayu yang terpaksa kahwin dengan orang-orang tua India. Di kampungnya saja, tiga orang anak dara, termasuk Latiffah yang baru berusia 15 tahun, telah menjadi mangsa kahwin paksa juga, kerana keperluan perut keluarga”.

(A.Samad Said, 2005, p.123)

Petikan berikutnya pula, menggambarkan situasi yang dialami oleh Zainab selepas berkahwin dengan Sayeed Ayuub. Mengikut ceritanya, dia dikurung dalam bilik, iaitu bilik yang bersebelahan dengan Tompong dan tidak pernah dibuka walaupun siren berombak berbunyi sebagai amaran bagi serangan bom. Zainab dikatakan melakukan segala aktivitinya dalam bilik berkunci tersebut termasuk makan dan minum. Di sini, Zainab boleh dikatakan sebagai banduan yang tidak melakukan sebarang kesalahan tetapi nasibnya terpaksa terkurung dalam penjara. Tangisannya tidak pernah diketahui oleh orang kampung kecuali Tompong yang cacat fizikalnya.

“Makan minumnya sentiasa di dalam, mandi dan buang airnya hanya sekali pada waktu maghrib. Selepas itu baik apa pun yang berlaku, dunia Zainab di dalam bilik; di luar biliknya yang menjaga mangga besar beranak kunci satu. Orang tidak pernah tahu apa yang sebenar-benarnya berlaku di dalam bilik kecil berlangsir separuh kain separuh guni itu. Cuma Tompong yang selalu mendengar orang memaksa bergurau, orang bertolak-tolak, orang bernafas keras, orang bersepak-sepak, kemudian orang berdengkur”.

(A.Samad Said, 2005, p.122)

Walau bagaimanapun, nasib Zainab akhirnya amat meyedihkan apabila dia terbunuuh dalam serangan bom yang dilakukan oleh pihak Jepun. Pada suatu waktu siang, Jepun menyerang kampung tersebut dengan ledakan B24 dan B29 yang menyebabkan ramai terkorban termasuk Zainab, Tompong, Salimah dan Simah, iaitu anak kepada Mak Buruk. Namun, kematian Zainab menyentuh hati kerana dia tidak dapat keluar dari biliknya yang terkunci apabila berlakunya serangan bom dan tidak dibantu oleh orang kampung termasuk Ahmad Jani dan Mak Buruk kerana masing-masing sibuk menyelamatkan orang lain. Kematian Zainab juga menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati oleh Ahmad Jani dan Mak Buruk terhadap Sayeed Ayuub yang tidak berhati perut sehingga sanggup menguncangkan isteri mudanya dalam bilik sedangkan dia tahu bahawa kampung tersebut berada dalam keadaan merbahaya

dengan serangan bom yang tidak menentu. Petikan di bawah menggambarkan kehilangan Zainab dalam tragedi serangan bom yang dijelaskan tadi.

“Tompang, Tommmppaaaannnggg, apa salahnya engkau, nak? Apa dosanya engkauuuuuuuuuu!” Mak Buruk meraung. Dan itulah juga yang dijeritkan Ahmad Jani di dalam hatinya. Zainab, Zainab, jeritnya. Dia mengutuk Sayeed Ayuub yang mengunci isterinya di dalam bilik itu, dan dia sendiri menyesal tidak naik membukanya, walaupun serangan itu berlaku di waktu siang. Mak Buruk yang semakin menggila-gila, memukul kepala dan dadanya dengan raungan yang serak itu kemudiannya teringatkan Salimah yang berada di atas juga. “Salimah, Salliiimmmaah!” jeritnya”.

(A.Samad Said, 2005, p.158-159)

Konflik seterusnya pula didukung oleh watak Tuminah, iaitu kakak kepada Dalim. Tuminah merupakan janda yang berumur 24 tahun dan mempunyai seorang adik lelaki yang bernama Dalim. Dalam ceritanya, A.Samad Said menggambarkan watak Tuminah sebagai seorang janda yang mempunyai hubungan sulit dengan seorang pemuda yang tinggal di kampung tersebut, iaitu Basir. Gadis muda tersebut terseka dan menyimpan segala konfliknya dalam dirinya sejak kehilangan suaminya. Tuminah merupakan gadis yang lebih mengenali manusia dan sikap mereka terutamanya sikap golongan lelaki.

Petikan di bawah merupakan bukti yang menunjukkan bagaimanakah Tuminah dilayan oleh Basir. Segala pengalaman yang dimilikinya membuatkan Tuminah sedar bahawa apa sahaja pertolongan yang ditawarkan oleh lelaki kepada perempuan bukan berdasarkan kepada sikap berperikemanusiaan malah setiap pertolongan harus diganti ataupun dibayar. Walaupun Basir rela menolong Tuminah dengan memberikan makanan yang dicurinya dari gudang makanan tetapi adanya sikap mementingkan diri sendiri yang terserlah apabila dia mengharapkan Tuminah untuk melayan nafsunya. Petikan tersebut juga menggambarkan betapa kejamnya manusia apabila susu binatang disuruh digantikan dengan susu manusia.

“....boleh aku beri susu ni”, kata Basir yang bermuka bujur telur penuh jerawat itu. “Tapi...tapi kau mesti ganti dengan susu tu”. Orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan, fikir Tuminah. Sejak dia menjadi janda enam bulan dahulu, dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki. Setiap yang dihulur minta diganti. Dalam masa perang-perang begitu, Tuminah tidak ada jalan lain. “Baiklah,” dia teringat begitulah jawabnya. “Kau berilah susu tu. Aku beri susu ni...” dan susu manusia dan susu binatang bertukar ganti”.

(A.Samad Said, 2005, p.8)

Tuminah yang kehilangan suaminya Mansur, banyak menanggung kesusahan dan turut menanggung kemaluan selepas orang kampung mengetahui bahawa dia mempunyai hubungan sulit dengan Basir. Dirinya terpaksa diam kerana Basir merupakan satu-satunya orang yang membantu bagi menyara kehidupannya serta adiknya Dalim. Oleh hal yang demikian, dia terpaksa bertempur dengan segala masalah yang berlaku dalam dirinya tanpa berkongsi dengan orang lain. Walau bagaimanapun, kemudiannya dia mula mempunyai kasih sayang terhadap Basir kerana lelaki tersebut sanggup menggadaikan nyawanya dengan mencuri makanan dari gudang makanan Jepun untuk memberikan kepada si Tuminah. Ia juga terbukti apabila Tuminah menangis meraung apabila mendapat tahu bahawa Basir telah pun dibunuhan oleh tentera Jepun apabila dia cuba mencuri makanan di gudang makanan dengan kawan-kawannya.

Konflik-konflik yang dikaji dalam novel pilihan, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* memberikan impak yang sangat mendalam kepada para pembaca. Ia juga membantu golongan pembaca untuk memahami zaman perperangan dan mencerna segala masalah yang dialami oleh mereka terutamanya nasib masyarakat yang berbilang kaum di tanah Singapura. Pengarangnya A.Samad Said menyalurkan mesej yang efektif kepada khalayak pembaca dengan gaya penceritaan yang menarik dan agak mudah untuk difahami. Unsur-unsur konflik yang terkandung dalam novel berbentuk historis tersebut berjaya memberikan maklumat atau pengetahuan tentang sejarah pendudukan Jepun dan penjajahan British dalam kalangan pembaca. Walau bagaimanapun, novel-

novel berbentuk historis seperti ini kurang diberi perhatian oleh anak-anak muda jika dibandingkan dengan novel-novel remaja ataupun hiburan. Namun, pengkaji berharap jenis cerita seperti novel *Sungai Mengalir Lesu* mampu memberikan semangat cinta akan negara serta semangat perpaduan antara rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.

Konflik-konflik yang dikemukakan di atas juga telah diperihalkan dengan terperinci oleh A.Samad Said kerana beliau sendiri pernah merasai dan melalui zaman penjajahan Jepun. Kebanyakan watak yang muncul dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* ialah orang-orang terdekatnya sama ada ahli keluarga ataupun kawan-kawannya. Ini dapat dilihat melalui beberapa watak seperti Tompong yang digambarkan sebagai seorang cacat. Watak ini merupakan pak ciknya yang kurang upaya disebabkan oleh saiz kaki yang tidak seimbang. Pak ciknya tidak dapat diselamatkan semasa pengeboman tentera Jepun kerana tidak dapat melarikan dirinya. Selain daripada itu, A.Samad Said juga pernah merasai kelaparan serta kebuluran sehingga sanggup makan makanan yang hanyut dalam sungai walaupun ianya sudah basi dan busuk. Situasi ini telah mendorong beliau untuk terlibat dalam rancangan mencuri makanan di sebuah kilang makanan bersama kawan-kawannya. Walau bagaimanapun, misinya telah gagal dan segentir daripada kawan-kawannya terkorban disebabkan oleh tembakan tentera Jepun dan beliau terpaksa menyembunyikan dirinya di bawah sebatang jambatan untuk beberapa jam. Pengalaman ini telah cukup membantu baginya untuk menggambarkan konflik-konflik dalam novelnya dengan lebih realistik (Rosnah Baharuddin, 2012, p.6-7).

Kesimpulannya, novel *Sungai Mengalir Lesu* yang dikaji banyak memaparkan konflik yang berlaku antara golongan muda dengan pihak penjajah, konflik antara pihak penjajah dan juga menjelaskan konflik yang berlaku dalam kalangan penduduk setempat. Novel ini juga boleh dikategorikan sebagai novel yang bersifat sejarah

ataupun historis yang banyak memberikan gambaran terhadap perperangan dan kesengsaraan yang dialami oleh rakyat yang tinggal di Singapura, iaitu pada zaman pendudukan Jepun. Elemen-elemen konflik tersebut selaras dengan teori yang dipilih oleh pengkaji, iaitu teori Strukturalisme Genetik. Hal ini demikian kerana, teori Strukturalisme Genetik merupakan sebuah teori yang tergolong dalam bidang sosiologi di mana bidang tersebut memainkan peranan penting dalam mengkaji kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Biasanya teori ini berfokus kepada konflik-konflik kelas yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Jadi, kajian telah pun dilakukan ke atas beberapa jenis konflik yang diketengahkan oleh pengarang dalam novelnya.

## BAB 5 : PANDANGAN DUNIA A.SAMAD SAID

### 5.1. Pengenalan

Apabila kita meneliti setiap pengarang yang bergiat aktif dalam bidang kepenggarangan, sudah tentu mereka mempunyai pandangan dunia yang tersendiri. Pandangan dunia ini mendorong para pengarang untuk melahirkan karya-karya yang bermanfaat kepada khalayak pembaca. Biasanya, pengarang akan menjadikan teks ataupun karya mereka sebagai medium bagi menyalurkan pandangan dunia ataupun pendapat yang sedia ada dalam minda. Maka, pengkaji melakukan beberapa kajian bagi mengenal pasti pandangan dunia hero kajian, iaitu A.Samad Said. Bab ini juga akan menyuluh pandangan beliau terhadap dunia kepenggarangan yang sedia ada, pandangan terhadap kehidupan sosial masyarakat serta harapannya. Keadaan ini mampu memberikan suatu gambaran yang jelas tentang pemikiran A.Samad Said terhadap dunia realiti dan dunia sastera.

Pengkaji mengupas beberapa temuramah yang telah diberikan oleh A.Samad Said bagi mendapat tahu pandangan dan pemikiran beliau. Antara nasihat yang sering diberikan oleh beliau adalah jika seseorang itu hendak menjadi penulis, maka mereka haruslah rajin membaca dan bijak memilih bahan bacaan. Selaras dengan pernyataan tersebut, beliau sendiri mengakui bahawa beliau akan membaca 10 hingga 12 buah buku dalam sehari dan menggaris serta menconteng bagi menghadam serta mengkaji isi-isi yang terpapar dalam buku yang dipegangnya. Beliau juga pernah mengatakan bahawa adanya perbezaan antara penulis dan seniman. Menurut beliau, seniman ialah seseorang yang menterjemahkan serta merakam segala pengalaman hidup dalam bentuk karya bagi pembaca dapat menikmatinya manakala penulis pula ialah seseorang yang hanya menulis cerita-cerita rekaan yang menepati selera pembaca. Biasanya karya-karya yang

dihasilkan oleh seniman penuh dengan realiti hidup yang boleh dijadikan sebagai teladan (Awang Abdullah, 2001, p.5).

## **5.2. Pandangan dan Harapan**

Apabila bertanya tentang keadaan bidang sastera di Malaysia, beliau berpendapat bahawa sastera di India dan Tanah Besar China lebih maju dan hebat jika dibandingkan dengan sastera tanah air. Alasan yang diberikannya bagi pernyataan tersebut ialah rasa ketakutan yang terdapat dalam diri para penulis tempatan bagi mengkritik keadaan negara dari segi pelbagai aspek. Walaupun ramai menulis, tetapi karya-karya mereka hanya menyatakan pengalaman hidup, khayalan-khayalan atau imaginasi yang tersendiri serta isu-isu yang mendukung mesej hiburan. Sebaliknya, sasterawan-sasterawan dari India dan China agak berani dalam memberikan kritikan dan pandangan mereka tentang keadaan negara mereka kepada dunia melalui karya-karya. Menurut beliau, walaupun pengarang-pengarang yang tajam pandangannya dalam bidang sastera wujud di negara Malaysia tetapi bilangannya agak sedikit jika dibandingkan dengan jumlah pengarang yang terdapat di negara-negara lain. Beliau turut menekankan bahawa sastera Inggeris tanah air lebih jauh maju jika dibandingkan dengan sastera Melayu kerana penulis-penulisnya berani mengetengahkan segala isu yang dianggap menjadi buah mulut rakyat ataupun isu-isu yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Dalam sebuah wawancara yang dianjurkan oleh TV3, iaitu dalam rancangan *Malaysia Hari Ini* pada 27 Ogos 2009, A.Samad Said telah berkongsi maklumat kepada para penonton bahawa karya-karya beliau telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman dan bahasa Perancis. Beliau berpendapat bahawa, seseorang seniman harus memperkenalkan hasilnya supaya diketahui orang agar mereka dapat memahami negara, budaya dan adat resam yang cuba diketengahkan oleh pengarangnya. Antara karya pilihan beliau yang

menjadi bahan terjemahan dalam bahasa asing ialah *Cinta Fansuri, Autobiografi DariSalinaKeLangit Petang* dan sebagainya. Beliau juga menjelaskan bahawa, karya-karya yang dihasilkan oleh seseorang penulis bukannya hanya untuk generasi ataupun kalangan pembaca yang sedia ada malah ianya haruslah dikarang bagi isinya dapat ditelaah oleh cucu-cicit ataupun generasi yang akan datang. Dalam wawancara tersebut beliau juga mengakui bahawa beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang lukisan di mana kini beliau banyak meluangkan masanya dengan melukis *sketch* yang bersalut dengan puisi ataupun pantun. Beliau turut menghimpunkan eseи-eseinya dalam bentuk diari agar dapat menjadi kenangan baginya serta menjadi bahan pembacaan bagi anak-anak muda. Beliau juga menyarankan bahawa karya-karya sastera yang bermutu haruslah ditempatkan di universiti-universiti bagi tatapan para mahasiswa dan mahasiswi. Situasi ini akan memberikan peluang kepada mereka bagi membaca karya-karya yang dihasilkan oleh penulis tempatan. Selain itu, cadangan seterusnya daripada beliau ialah menempatkan karya-karya di kedutaan-kedutaan yang terdapat di seluruh negara bagi mendedahkan sastera sama ada sastera Melayu ataupun Inggeris dalam kalangan rakyat Malaysia serta orang asing.

Dalam sebuah lagi wawancara yang diadakan oleh *Rocketkini.Com* pada 5 Februari 2012, A.Samad Said telahpun berkongsi beberapa perkara yang bermula dari latar belakangnya, bidang kepengarangannya sehingga penglibatannya dalam gerakan-gerakan awam. Apabila bersoal tentang harapan beliau bagi menggerakkan masyarakat dengan menggunakan dunia seni sama ada dalam bentuk karya ataupun filem, beliau berpendapat bahawa generasi muda kini sudahpun mempunyai minat membaca dan mula menghayati karya-karya seni. Hal ini dibuktikan oleh beliau dengan mengatakan bahawa, beliau sendiri pernah melihat anak-anak sekolah gemar membaca buku-buku cerita dan novel dalam LRT semasa pulang dari sekolah. Menurutnya, keadaan ini memberikan rasa kepuasan serta menyenangkan hatinya. Di samping itu,

beliau juga menekankan bahawa dunia seni telah pun mempengaruhi masyarakat terutamanya filem-filem tempatan yang diadaptasikan daripada novel seperti *Ombak Rindu* yang menjadi hangat dalam kalangan rakyat Malaysia pada suatu ketikanya.

Beliau turut mengakui bahawa beliau terlibat dalam gerakan-gerakan awam bagi mendapatkan sebuah dunia yang adil dan saksama serta bebas daripada isu perkauman. Walaupun beliau merupakan seorang seniman yang hanya merakam segala kejadian yang berlaku di sekelilingnya tetapi beliau merasai bahawa beliau mempunyai hak dan kebebasan untuk berjuang demi mendapatkan negara yang aman dan damai. Beliau turut menambahkan bahawa, seseorang penulis mengambil masa yang lama untuk memperjuangkan sesebuah mesej yang diutarakan melalui karyanya kerana bukan semua mempunyai minat membaca dan minat mereka juga sering terganggu dengan minat-minat yang lain. Oleh hal yang demikian, beliau memilih jalan yang lebih praktikal walaupun pada usinya yang agak lambat, iaitu semasa 75 tahun. Beliau percaya bahawa masyarakat menerima perjuangan beliau dengan baik dan perjuangannya adalah demi bahasa dan negara yang tercinta.

Apabila berfokus kepada harapan beliau terhadap bidang sastera dan politik negara, beliau menyatakan harapannya, iaitu beliau inginkan sebuah negara yang tidak berorentasikan kepada kaum tertentu malah mengharapkan sebuah negara yang mengutamakan setiap insan manusia tanpa mengira kaum dan warna kulit. Beliau juga hairan kerana masih lagi yang merungut bahawa kaum Melayu semakin ditindas di negara ini sedangkan kebanyakan golongan atasan seperti raja, perdana menteri, menteri-menteri besar adalah berketurunan Melayu. Justeru, beliau berharap agar golongan ini mampu melahirkan negara yang saksama dalam masa yang akan datang. Seterusnya, beliau berpendapat bahawa golongan yang memerintah haruslah berfikiran terbuka kerana hanya pemimpin yang mempunyai sikap sedemikian dapat mewujudkan kerajaan yang berpegang kepada konsep sama rata kepada rakyat.

Walaupun beliau pernah mengatakan, beliau tidak begitu mempunyai harapan yang tinggi terhadap sastera Melayu yang kini wujud di tanah air jika dibandingkan dengan sastera Inggeris, tetapi beliau percaya jika para penulis tempatan berani mengkritik keadaan sekelilingnya ia akan memberikan suatu perubahan kepada dunia sastera yang sedia ada. Baginya, tugas seseorang penulis bukan hanya menulis karya-karya bagi tujuan hiburan malah harus memberikan mesej yang berguna serta mesej yang mampu memberikan kesedaran kepada para pembaca. Hal ini demikian kerana, pena yang dipegang oleh seorang penulis diibaratkan sebagai senjata yang dapat mengubah masa depan generasi kini.

Apabila kita melihat harapan yang diutarakan oleh beliau, bolehlah disimpulkan bahawa A.Samad Said sebagai seorang yang mempercayai peranan golongan seniman dalam mempertahankan martabat bangsa dan negara. Baginya, segala mesej ataupun kesedaran hanya dapat disampaikan kepada khalayak pembaca dengan bantuan karya-karya yang berguna. Oleh hal yang demikian, para penulis perlulah kurangkan menulis karya-karya yang hanya berfokuskan kepada hiburan ataupun cerita-cerita imaginasi yang tidak begitu praktikal. Hal ini demikian kerana, setiap tulisan yang dibacanya oleh masyarakat mempunyai kuasa yang tersendiri bagi mengubah kehidupan mereka ataupun mengubah nasib negara yang tidak stabil. Ini yang menyebabkan A.Samad Said sentiasa menekankan bahawa segala peristiwa yang dilihat dan dilalui haruslah dirakam atau dicatat oleh penulis bagi mendedahkan realiti kehidupan kepada dunia. Beliau berpendapat sebegini kerana segala maklumat yang dirakam sukar ditelan zaman ataupun luput daripada pandangan orang.

Akhir kata, dunia kepengarangan sastera Melayu tanah air pasti berkembang dan mencapai tahap kegemilangannya jika segala nasihat dan tunjuk ajar daripada A.Samad Said dijadikan sebagai teladan oleh setiap penulis tempatan yang sedang membangun dalam dunia kepengarangan sastera Melayu. Keadaan ini menepati peribahasa Melayu

bak kata pepatah jika hendak beranak, ikutlah kata bidan di mana orang yang pakar ataupun berpengalaman lebih mengetahui selok belok bidang tertentu.

## BAB 6 : PENUTUP

Secara tuntasnya, kajian ini telah pun berfokus kepada penggunaan teori Strukturalisme Genetik dalam salah sebuah novel sasterawan negara A.Samad Said, iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu*. Teori ini merupakan teori yang tepat dan sesuai bagi mengkaji karya-karya terutamanya genre novel yang bersifat historis di mana novel-novel yang mengimbas kembali segala peristiwa yang telah berlaku semasa zaman penjajahan. Hal ini demikian kerana, ciri-ciri yang terdapat dalam teori Strukturalisme Genetik mampu mengkaji segala aspek yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* dengan mempertimbangkan unsur-unsur luaran. Teori ini menekankan bahawa, unsur-unsur luaran harus diberi perhatian yang sama berat dengan perhatian yang diberikan kepada unsur-unsur dalaman sesebuah novel seperti plot, tema, persoalan, watak dan sebagainya. Justeru, pengkaji memilih teori Strukturalisme Genetik ini bagi mengkaji novel *Sungai Mengalir Lesu* oleh A.Samad Said dari segi beberapa perspektif.

Aspek pertama kajian ialah mengenal pasti latar belakang pengarang, iaitu latar belakang A.Samad Said yang memainkan peranan penting dalam penghasilan novel *Sungai Mengalir Lesu*. Aspek ini telah dikaji dari segi zaman kanak-kanak beliau, zaman persekolahan ataupun pendidikan, dunia kepenggarangan dan akhirnya dunia kewartawanan. Kajian ke atas latar belakang beliau telah membuktikan bahawa adanya hubungan yang erat antara kehidupannya dengan novel yang dihasilkannya kerana segala pengalamannya telah dipindahkan dalam bentuk cerita bagi tatapan pembaca. Keadaan ini juga membantu beliau untuk menghasilkan karya yang memberikan informasi yang jitu dan bukan hanya berdasarkan kepada cerita khayalan ataupun rekaan.

Aspek seterusnya ialah menganalisis konflik-konflik yang telah berlaku dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Antara konflik yang difokus ialah konflik antara golongan muda dengan pihak penjajah. Konsep golongan muda yang dimaksudkan di sini ialah golongan remaja yang tinggal di sebuah kampung yang terletak di tepi sebatang sungai yang lesu. Manakala konsep pihak penjajah pula merujuk kepada pihak Jepun yang melancarkan pemerintahan yang zalim di Singapura. Hal ini kerana, ceritanya berlatarkan Singapura yang berada di bawah jajahan Jepun pada suatu ketika dulu. Konflik seterusnya ialah konflik antara dua pihak penjajah yang merebut kuasa untuk meluaskan empayarnya di Singapura, iaitu pihak Jepun dan pihak British. Pertempuran antara dua pihak ini telah pun menyebabkan rakyat Singapura terpaksa merana dan menderita untuk mendapatkan makanan, ubatan dan lain-lain lagi. Konflik yang terakhir ialah konflik dalam kalangan penduduk setempat. Aspek ini berfokus kepada segala masalah yang berlaku dalam kalangan penduduk yang menetap di Kampung Tepi Sungai. Walau bagaimanapun, A.Samad Said lebih membincangkan konflik-konflik yang dihadapi oleh kaum wanita. Hal ini demikian kerana, ramai watak wanita yang muncul dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* telah digunakan sebagai bahan pemusu nafsu dan dipaksa kahwin dengan lelaki-lelaki tua yang agak kaya bagi mengatasi kemiskinan.

Tambahan pula, kajian juga telah dilakukan ke atas pandangan dunia ataupun pemikiran A.Samad Said. Kajian ini juga telah menilai pandangan dunia yang cuba diketengahkan oleh A.Samad Said terhadap dunia sastera dan dunia realiti. Pemikiran dan nasihatnya sudah pasti memberikan tujuk ajar serta ilham kepada para penulis yang sedang membangun dalam dunia penulisan tanah air. Kajian ini turut membuktikan bahawa, pandangan dunia seseorang pengarang, iaitu ‘*world view*’ yang telah dikemukakan oleh Lucien Goldmann dalam teorinya penting dalam penghasilan sesebuah karya. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah pun mengkaji pandangan dunia

A.Samad Said berdasarkan beberapa temuramah yang diberikannya. Ucapan dan temuramah yang diberikannya membuktikan bahawa beliau seorang yang berani melontarkan idea, berani memberi kritikan dan berani menyahut cabaran.

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian ini berjaya memberikan gambaran tentang novel popular A.Samad Said dengan pautan teori Strukturalisme Genetik serta harapan dan mesej yang ingin disampaikan olehnya kepada dunia. Pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh A.Samad Said juga memainkan peranan penting dalam penghasilan novel ini. Seseorang pengarang itu haruslah menghargai segala pengalaman yang dilaluinya kerana ianya boleh digunakan bagi menghidupkan karya-karya yang dihasilkan. Hal ini kerana unsur-unsur ekstrinsik, iaitu unsur-unsur luaran sesebuah karya seperti status sosial pengarang, keadaan psikologi pengarang serta pandangan dunianya mampu memberikan karya-karya yang terbaik. Hal ini boleh dibuktikan dengan karya-karya A.Samad Said yang cukup lengkap, sempurna serta popular dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini juga mengukuhkan bahawa beliau bijak menerapkan nilai-nilai dan unsur-unsur penting yang dipetik daripada pengalaman yang dilaluinya.

Selaras dengan itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi merujuk ataupun mengenal pasti unsur-unsur luaran yang memainkan peranan penting bagi menghasilkan novel *Sungai Mengalir Lesu*, iaitu sebuah novel popular oleh A.Samad Said. Bukan sahaja menganalisis intipati novel malah pembaca juga dapat mengetahui elemen-elemen yang menyokong karya tersebut. Selain daripada itu, pembaca turut dapat melihat teori Strukturalisme Genetik dari segi prinsipnya yang bukan hanya menekankan unsur-unsur dalaman sesebuah karya. Maka, kajian ini boleh dikatakan bahawa sebuah kajian yang menepati segala objektif yang telah disebutkan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (1997). *Permasalahan Teori dalam Sosiologi*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Perbandingan Teori, Tanjung Kling, Melaka.
- A.Samad Said. (2005). *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adyana Sunanda. Addul Ngaim & Nafron Hasim. (2014). *Pandangan Masyarakat tentang Sistem Kekuasaan Sosial dan Politik (Kajian terhadap Kumpulan Cerpen Soeharto dalam Cerpen Indonesia Perspektif Strukturalisme Genetik)*. Universitas Muhammadiyah: Surakarta.
- Alan Swingewood. (1972). *Literature and Society*. United Kingdom: Palgrave MacMillan.
- Andi Dwi Handoko. (2010). *Novel-novel Orang Proyek dan Kaitannya dengan Trilogi Novel Ronggeng Dukuh Paruk Karya Ahmad Tohari*. Tesis Sarjana. Universitas Sebelas Maret.
- Ann Jefferson & David Robey. (1998). *Teori Kesusastraan Moden: Pengenalan Secara Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. (2005). *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Abdullah. (2001). *Biografi Sasterawan Negara A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Hj Wahid. (2009). *Novel-novel A.Samad Ismail: Satu Analisis Teori Strukturalisme Genetik Hegemoni*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Azman Ismail. (2001). *Teori Strukturalisme Genetik: Penerapan terhadap Novel-novel Pramoedya Ananta Teor*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Bondet Wranatnala. (2009). *Sosiologi untuk SMA dan MA kelas XI*. Jakarta: PT Sekawan Cipta Karya.
- Che Su Mustaffa. Fauziah Shaffie & Muhamad Idris Saleh. (1994). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chris Barker. (1999). *Cultural Studies Theory and Practice*. New Delhi:Sage Publications.
- Coser & Lewis. A. (1956). *Functions of Social Conflict*. New York: Free Press.
- Dian Annisa Nur Ridha. (2013). *Pandangan Dunia dalam Novel Noruwei No Mori Karya MurakamiHaruki: Analisis Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann*. Tesis Sarjana. Universiti Gadjah Mada.

- Dwi Susanto. (2015). *Masyarakat Peranakan Tionghoa dalam Karya Sastera Peranakan Indonesia pada Paruh Pertama Abad XX Kajian Sosiologi Sastera*. Yogyakarta: Universiti Gadjah Mada.
- Endaraswara & Suwardi. (2003). *Metodologi Penelitian Sastera*. Yogjakarta: Pustaka Widyaautama.
- Eny Moersito. (2008). *Perbandingan Nilai-nilai Pendidikan Budaya Jawa*. Yogyakarta: Universitas Sebelas Maret.
- Faruk. (1999). *Pengantar Sosiologi Sastera dari Strukturalisme Genetik Sampai Post-Modernisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset.
- Fatimah Daud. (1992). *Pengenalan Teori-Teori Sosiologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- G.Duncan Mitchell. (1982). *Sosiologi Pengkajian Sistem Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- G.Kartasapoetra. L.J.B. Kreimers. (1987). *Sosiologi Umum*. Jakarta: PT Bina Aksara.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Harry Aveling. (1981). *Lazy River*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Ho Hui Ling. (2009). *Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1941-1945: Penentangan Orang Cina Melalui Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA)*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Horton & Hunt. (1988). *Sociology*. New York: McGraw Hill Education.
- Hashim Awang. (1997). *Tradisi Kritikan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jaminkhiri Chek Embi. (2002). *Unsur-unsur Naturalisme dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Bandingan*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Jenis-jenis novel.* Diperoleh pada 27 Januari 2017 dariapada [www.SepurPengetahuan.com](http://www.SepurPengetahuan.com)
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karl Marx. (1859). *A Contribution to the Critique of Political Economy*. Moscow: Progress Publishers.
- Kasim Siyo. (2012). *Orang Jawa di Simalungun: Kajian tentang Perubahan Sosial dan Modal Sosial*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Kehadiran Barat dan Kesannya terhadap Kesusasteraan Melayu*. Diperoleh daripada [www.myjurnal.my](http://www.myjurnal.my) pada 15 November 2017

- Khusnaini Prihananto. (2012). *Analisis Struktrualisme Genetik Novel Supernova Episode Ksatria, Puteri dan Bintang Jatuh Karya Dewi Lestari*. Tesis Sarjana. Universiti Sebelas Maret.
- Leo Lowenthal. (1984). *On Socioology of Literature*. New York: Transcation Books.
- Lucien Goldmann. (1975). *Towards a Sociology of the Novel*. London:Tavitock Publications.
- Lucien Goldmann. (1980). *Essays on Method in the Sociology of Literature*. London: Telos Press ltd.
- Maksud Konflik*. Diperoleh pada 25 Oktober 2017 daripada <https://id.wikipedia.org>
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussin. (2011). *Malaysian Studies*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Isa Othman. (1992). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sosiologi Sastera Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
- M.K. Danziger. W.S. Johnson. (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadiyatul Khatib. (2016). *Pendudukan Tentera Jepun di Tanah Melayu 1941-1945: Tentera Australia, Divisyen ke-8*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaya.
- Norhayati Abdul Rahman. (2002). *Struktrualisme Genetik dalam Sastera Melayu Modern: berdasarkan Novel-novel Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hafeza Marekan & Goh Sang Seong. (2013). *Strategi Penterjemahan Nilai dan Kepercayaan dalam Novel Sungai Mengalir Lesu*. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 279.
- Nyoman Kutha Ratna. (2009). *Kajian Puitika Bahasa, Sastra dan Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Pemahaman Sosiologi Sastera*. Diperoleh pada 29 Januari 2017 daripada [www.islamic.utm.my](http://www.islamic.utm.my)
- Pengaruh Kedatangan Barat*. Diperoleh pada 12 Disember 2017 daripada [www.myjurnal.my](http://www.myjurnal.my)
- Ramlah Adam. Abdul Hakim Samuri & Muslimin Fadzil. (2004). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R.Escarpit. (1967). *The Sociology of Literature*. London: Tavitock Publications.
- Rohana Yusof. (2010). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rosnah Baharuddin. (2000). *Belahan Jiwa Wanita dalam Novel A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharuddin. (2012). *Biografi A.Samad Said: Memberi Hati Nurani*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Salah silah A.Samad Ismail. Diperoleh pada 1 Februari 2017 daripada <https://ms.wikipidia.org>
- Sapardi Djoko Damono. (2003). *Membunuh Orang Gila*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Selo Soemardjan & Soelaeman Soemrdi. (1974). *Setangkai Bunga Sosiologi*. Universitas Indonesia: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi.
- Shandhi. (2002). *Megat Terawis: Dilihat dari Pendekatan Strukturalisme Genetik*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaya.
- Sharifah Zaleha Hassan. (1973). *Masyarakat dan Konflik di Kampung Tanjung Dawai*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Sinopsis Novel Sungai Mengalir Lesu*. Diperoleh pada 1 Februari daripada [www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com)
- Siti Hajariah Abdul Razak. (2012). *Motivasi Remaja dalam Novel Bimasakti Menari*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2016). *Critical Views On Works by A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukanto & Surjono. (1983). *Beberapa Teori Sosiologi tentang Struktur Masyarakat*. Jakarta: CV Rajawali.
- Suwardi. (2011). *Sosiologi Sastera*. Yogyakarta: FBS Universitas Negeri Yogyakarta.
- Suyitno. (2009). *Kritik Sastera*. Universitas Sebelas Maret: Surakarta.
- Syed Ali Ashraf. (1989). *Crisis in Muslim Education*. United Kingdom: Abby Herts.
- Temubual Sasterawan Negara Tan Sri A.Samad Said Bersempena Majlis Perasmian Pameran 'A Journey of Pak Samad'*. Diperoleh pada 28 Disember 2017 daripada [https://youtu.be/Z\\_9r3NIjxYM](https://youtu.be/Z_9r3NIjxYM)
- Umar Junus. (1982). *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode di Sekitar Sastera Melayu dan Indonesia*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Umar Junus. (1984). *Berbagai Pendekatan Sosiologi Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi Sastera Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Umar Junus. (1988). *Karya Sebagai Sumber Makna: Pengantar Struktrualisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2006). *Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2006). *Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden. Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 69(1), 7-12.
- Yunita Ernawati. (2012). *Struktrualisme Genetik dalam Novel Bandjire Bengawan Sala Karya Widi Widajat*. Tesis Sarjana. Universiti Negeri Yogyakarta.
- Yoseph Yapi Taum. (1997). *Pengantar Teori Sastera: Ekspresivisme, Struktrualisme, Pasaestruktrualisme Sosiologi, Resepsi*. Nusa Indah: Flores.
- Wan Zaida Hj. Wan Yusof. (2009). *Pemikiran dalam Novel Mohd. Affandi Hassan: Analisis dari Sudut Kajian Budaya*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Wawancara bersama Sasterawan Negara*. Diperolehi pada 30 Disember 2017 daripada [www.mukasurat.my](http://www.mukasurat.my)
- Wawancara bersama Sasterawan Negara*. Diperoleh pada 25 Disember 2017 daripada <https://www.Roketkini.com>
- Wawacara bersama Datuk A.Samad Said*. Diperoleh pada 25 Disember 2017 daripada <https://youtu.be/YYlwHSFuTvA>
- Wellek & Warren. (1956). *Theory of Literature*. New York: Harcourt, Brace & World.